



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3847]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3896]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 (6hb Disember, 1972) [Ruangan 3897]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1973 (6hb Disember, 1973) [Ruangan 3897]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Isnin, 11hb Disember, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P. Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan Am, Tan SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., (Kota Bharu Hilir).

” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

” Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelevu-Jempol).

” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).

” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

” NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

” DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

” Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

” PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

” TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

” TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

” TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

” TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).

” TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

” TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

” PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

” TUAN AJAD BIN O. T. Uyong (Labuk-Sugut).

” DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

” TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, J.S.M., S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

” CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

” TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

” TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

” AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

” TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

- Yang Berhormat TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASSAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N.,
S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.
(Sungei Siput).

„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK
BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL
GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S.
(Julau).

„ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

„ DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu
Hulu).

„ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasir Mas Hilir).

„ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O.,
O.B.E. (Marudu).

„ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).

„ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

„ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P.
(Menglembu).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

„ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

„ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERDANA MENTERI CINA MELAWAT MALAYSIA—MENJEMPUT

1. Tuan Fan Yew Teng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedang menimbang menjemput Perdana Menteri Republik Rakyat Cina untuk membuat suatu lawatan rasmi ke Malaysia dengan pandangan hendak memperbaiki perhubungan antara kedua negara itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, buat masa sekarang tidak ada cadangan untuk menjemput Perdana Menteri Cina untuk melawat Malaysia. Lawatan seperti itu hanya dapat dibuat dalam keadaan perhubungan diplomatik di antara Malaysia dengan Cina. Saya telah terangkan kepada Dewan ini iaitu berkenaan dengan cadangan hendak mengadakan perhubungan diplomatik dengan Kerajaan People's Republic of China kita bersetuju hendak berunding dan memberitahu Negara-negara ASEAN sungguhpun tanggungjawab hal ini ialah bagi tiap-tiap satu Negara membuat keputusannya.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Sebagai negara yang kecil Malaysia kita ini, saya terperanjat di atas sikap dan posture Kerajaan kita yang dibuktikan oleh kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana di dalam perhubungan atau di dalam bidang diplomatik sekarang, tidakkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju bahawa di dalam bidang diplomasi masa sekarang, ada satu diplomasi yang baharu di dunia—seluruh dunia yang mana contoh-contoh ada ditunjukkan oleh Presiden Nixon, semasa beliau melawat Cina walaupun tidak ada perhubungan rasmi di antara dua negara itu dan juga yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri Jepun, Mr Tanaka walaupun Jepun dan Cina tidak ada perhubungan diplomatik secara rasmi dan juga lawatan yang akan dibuat oleh Chancellor Brandt kepada German Timur, walaupun kedua-dua negara itu tidak ada perhubungan diplomatik secara rasmi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, diplomasi-diplomasi yang di sebut tadi ialah dibuat oleh negara-negara besar. Kita sebagai negara kecil yang merdeka tentulah berhak membuat diplomasi cara yang kita fikirkan menasabah untuk kepentingan kita.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di Pertua, kenyataan bahawa.

Tuan Yang di Pertua: Saya suka mengingatkan, ini adalah masa soal-jawab, jadi hendaklah dibuat soalan tambahan, bukan perbahasan.

Tuan Fan Yew Teng: Ya, Tuan Yang di Pertua, jawapan bahawa kita mesti menunggu persetujuan negara-negara ASEAN buat satu keputusan ke atas perhubungan diplomatik secara rasmi dengan Republik Rakyat Cina, bukankah ini satu bukti bahawa tujuan ASEAN yang asal telah dilangkahi?

Tuan Yang di Pertua: Itulah yang saya katakan bahawa yang dibangkitkan ini ialah perbahasan. Saya suka mendengar apa dia soalan tambahannya?

Tuan Fan Yew Teng: Soalannya ialah sikap kita mesti menunggu ASEAN untuk membuat keputusan adalah suatu bukti bahawa kemerdekaan kita di dalam keputusan perkara yang semacam ini sudah dilangkahi oleh ASEAN.

Tuan Yang di Pertua: Jadi apa soalan tambahannya.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahannya ialah bukankah ASEAN sudah melangkahi kemerdekaan kita di dalam proses membuat keputusan?

Tuan Yang di Pertua: Itu bukan soalan tambahan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru sebentar tadi, saya telah memahami bahawa kita tidak ada mengadakan hubungan diplomatik dengan Cina Kominis pada masa sekarang, hanya kita ada perhubungan perdagangan. Saya hendak tahu, adakah Kerajaan telah berpuas hati atas hubungan perdagangan yang berjalan pada masa sekarang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, ini soalan lain, tetapi saya boleh jawab, iaitu kita berpuas hati dengan perhubungan perdagangan dan perhubungan cara tak rasmi

yang berjalan pada masa sekarang ini dengan Republik Rakyat Cina.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di Pertua, adakah Republik Rakyat Cina begitu berminat untuk memperbaiki perhubungan dengan Malaysia, dan jika benar adakah Republik Rakyat Cina telah menunjukkan apa-apa tanda yang pemimpin-pemimpinnya berhasrat supaya dijemput ke negara kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya nampak sesudah mendapat lapuran daripada mereka yang membuat lawatan ke negeri Cina, pihak pemerintah Cina adalah memberi pandangan yang sempurna kepada kita dan suka hendak bersahabat dengan kita, tetapi belumlah mereka itu menunjukkan yang mereka itu suka hendak membuat lawatan ke Malaysia.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Apa yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, tiap-tiap satu keputusan yang hendak dilakukan oleh Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat adalah mendapat keputusan daripada negara-negara ASEAN. Adakah latar belakang negara kita ini diperintah oleh negara-negara ASEAN?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telah terangkan atas perkara ini baru sebentar tadi, iaitu kita hanya bersetuju hendak mengadakan perundingan dan memberitahu negara-negara ASEAN dan keputusan di atas perkara ini adalah di tangan tiap-tiap sebuah negara. Kita hanya bersetuju hendak berunding, sebab kita bersahabat dengan kelima-lima negara itu.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di Pertua, peperangan telah bermula antara tentera-tentera Soviet Union dengan Republik Rakyat Cina sebagaimana yang dilaporkan hari ini dalam akhbar *Malay Mail*, adakah ini akan membawa perhubungan baik antara Republik Rakyat Cina, Malaysia dan lain-lain negara di Asia Tenggara?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya fikir perkara ini tidak ada kena-mengena dengan kita di sini dan tidak ada menyentuh perhubungan baik kita samada dengan Republik Rakyat Cina ataupun Soviet Union.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di Pertua, oleh kerana fikiran bagi seluruh dunia kepada Cina Kominis bukanlah seperti

dahulu iaitu tiap-tiap negara telah menerima Cina Kominis sebagai legitimate Government dan demikian juga negara kita pun telah memberikan sokongan yang penuh bagi Cina Kominis masuk menjadi anggota dalam Majlis Bangsa-bangsa Bersatu, dan bahawa sehingga pada masa ini, adakah apa-apa langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Cina Kominis secara rasmi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telah terangkan tadi atas perkara ini iaitu sehingga hari ini kita hanya mengadakan perhubungan perdagangan dan perhubungan dengan cara tak rasmi dengan pihak Cina Kominis.

Tuan Fan Yew Teng: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa beberapa hari yang lalu melalui radio Jakarta, Tun Adam Malik, ada mengatakan kalau Malaysia hendak mengadakan perhubungan dengan Republik Rakyat Cina maka Malaysia tidak perlu mendapat persetujuan daripada negara-negara ASEAN.

Perdana Menteri: Saya sudah terangkan tadi, itulah kedudukan yang sebenarnya, iaitu kita hanya bersetuju hendak berunding dan memberitahu bukan hendak meminta kebenaran daripada sesiapa.

JOHN CONALLY DI KUALA LUMPUR—KENYATAAN

2. **Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa Tuan John Conally dari Amerika Syarikat telah membuat kenyataan yang berikut di Kuala Lumpur berikutan dari lawatan beliau ke beberapa buah negara Asia dalam bulan Julai, 1972:

“Amerika Syarikat akan meneruskan usaha mengekalkan kedudukannya di bidang ketenteraan dan ekonomi di Asia Tenggara buat beberapa masa yang akan datang. Semua negara yang telah saya lawati mengalu-alukan kedudukan Amerika di wilayah itu”.

Jika sedar, adakah beliau mengakui kenyataan itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, kenyataan Mr John Conally tersebut telah dibuat di satu persidangan akhbar sebaik

sahaja beliau tiba di Kuala Lumpur iaitu sebelum beliau mengadakan perbincangan dengan Menteri-menteri Kerajaan Malaysia. Oleh yang demikian Ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa kenyataan itu dibuat bukan bagi pihak Malaysia. Samada kenyataan itu merupakan kesimpulan pandangan yang betul mengenai negara-negara yang telah dilawatinya, sebelum datang ke Malaysia, itu tidak dapat saya pastikan. Terpulanglah pada sesebuah negara itu untuk membuat keputusan sendiri tentang soal keselamatan masing-masing. Walaubagaimanapun, seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat telah maklum kita telah mengemukakan usul pengecualian Asia Tenggara iaitu suatu peraturan yang kita pasti dapat menjamin kemerdekaan dan keselamatan negara-negara di rantau ini dengan tidak payah membuat pakatan-pakatan tentera dengan kuasa-kuasa asing. Sukacita saya nyatakan bahawa usul ini telah diterima secara prinsip oleh kebanyakan negara-negara Asia Tenggara. Konsep usul ini tidak melarang perhubungan sah samada dari segi politik, ekonomi atau sosial, dengan kuasa-kuasa asing, kecil ataupun besar.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, kalau sekiranya Amerika Syarikat keluar daripada Vietnam, tetapi ada pasukan tenteranya di Asia Tenggara, bukannya itu menunjukkan kehadiran tentera Amerika Syarikat di Tenggara Asia dan telah melanggar konsep perkecualian Asia tenggara?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, konsep ini telah diterima dan bila konsep ini berjalan sepertimana yang saya telah terangkan bahawa tentera-tentera ataupun pengkalan tentera asing mestilah beransur-ansur diundurkan daripada Tenggara Asia.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di Pertua, mengenai kedudukan Amerika Syarikat di Asia Tenggara, adakah Amerika Syarikat pernah meminta Kerajaan Malaysia supaya membenarkan pengkalan Tentera Amerika dibena di negara kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, itu tidak timbul.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di Pertua, adakah Amerika mempertinggikan pelaburan ekonominya di Malaysia baharu-

baharu ini, jika ya, adakah Malaysia menggalak dan mengalu-alukan lebih banyak lagi pelaburan-pelaburan Amerika di Malaysia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, dasar kita ialah hendak menggalakkan pelaburan modal bagi semua negara-negara kecil dan besar, bukan sahaja daripada Amerika.

PERAIRAN MALAYSIA— MEMBINCANGKAN

3. Tuan Lim Kit Siang bertanya kepada Menteri Luar Negeri adakah dalam lawatan beliau ke Switzerland, Austria, Poland dan Soviet Union baru-baru ini beliau telah membincangkan dengan pemimpin-pemimpin negara-negara ini perkara tuntutan Malaysia mengenai kedaulatan perairannya sejauh 12 batu di Selat Melaka dan nyatakan sikap dan pendirian Kerajaan-kerajaan ini di atas perkara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, perkara ini adalah di antara perkara-perkara yang telah saya bincangkan dengan beberapa pemimpin-pemimpin negara yang telah saya lawati baharu-baharu ini. Saya telah menerangkan pendirian kita dan memberitahu mereka latarbelakang dan tujuan di-sebalik dasar itu supaya salah faham tidak akan timbul, sudah tentu tidak wajar dan saya tidak menyentuh tentang pendirian Kerajaan-kerajaan lain. Walaubagaimanapun, soal ini akan dibincangkan di persidangan antarabangsa mengenai undang-undang laut pada tahun hadapan. Dari itu, adalah terlalu awal untuk mengharamkan Kerajaan-kerajaan berkenaan untuk membuat pendirian tetapi terhadap soal yang akan dibawa di persidangan itu kelak.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE SWITZERLAND

4. Tuan Loh Jee Mee minta Perdana Menteri menyatakan memandang kepada lawatan persendirian yang begitu lama ke Switzerland sebelum memulakan lawatan rasminya samada beliau telah jatuh sakit dan memerlukan rawatan perubatan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, sebelum memulakan lawatan rasmi ke beberapa negara-negara Eropah, saya telah bercuti di Switzerland selama sepuluh hari untuk berihat dan bukan untuk menerima rawatan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah benar kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan lawatannya ke negeri Switzerland itu bahawa banyak kemajuan-kemajuan di negeri itu yang patut dicontohi atau ditauladani oleh Malaysia. Jadi, saya harap dengan kemurahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan garisan kasar akan tauladan-auladan yang patut dicontohi oleh Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telah terangkan atas perkara ini sedikit sebanyak, kalau Ahli Yang Berhormat suka hendak mendengar keterangan yang lanjut, bolehlah saya beritahu bila Ahli Yang Berhormat itu senang kelak.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Saya ingin meminta keterangan lanjut dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah sama konsep perkecualian New Zealand itu dengan konsep perkecualian yang dikehendaki oleh Malaysia.

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain.

KAPAL HAJI SYARIKAT GREAT MALAYSIA LINE

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Jemaah Haji Malaysia tahun ini masih menggunakan kapal haji Syarikat Great Malaysia Line, sedangkan pada tahun lalu syarikat ini tidak dapat memberi layanan yang memuaskan kepada Jemaah Haji.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji sedar bahawa perkhidmatan kapal Haji Malaysia Baharu (sekarang ini telah dinamakan Malaysia Kita) dari Syarikat Great Malaysia Shipping Line pada tahun lalu kurang memuaskan oleh kerana kerosakan jentera kapal itu. Berikutan dengan itu, suatu rundingan telah diadakan antara kedua belah pihak bagi mengatasi segala kesulitan yang dialami pada tahun lalu. Untuk menjamin bahawa perkara yang berlaku itu tiada berulang lagi pada masa hadapan, Kerajaan telah menghantar pakar-pakar perkapalan untuk memeriksa, menguji dan mengesahkan kelayakan kapal-kapal haji untuk pelayaran-pelayaran bagi tahun ini. Sehingga hari ini tiga pelayaran kapal Syarikat Great Malaysia

Shipping Line telah membawa bakal-bakal haji ke Tanah Suci dengan selamat mengikut jadual yang ditentukan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Apakah Syarikat Great Malaysia Shipping Line telah pun membaiki keadaan-keadaan kapal yang digunakan oleh syarikat itu, kerana setahu saya kapal-kapal yang digunakan oleh syarikat itu adalah dibeli daripada kapal-kapal yang telah dipakai di luar negeri, ertinya kapal itu buruk. Jadi, apakah yang ianya diperbaiki khasnya injen kapal-kapal itu supaya tidak tergendala?

Perdana Menteri: Saya tidak dapat tahu dengan detail atas perkara ini, kerana ini ialah pakar-pakar sendiri yang telah memeriksa atas perkara ini. Tetapi saya diberitahu bahawa yang rusak dahulu itu ialah boiler dan boiler kapal itu digantikan dengan boiler yang baharu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa sebab-sebab yang menjadikan Lembaga dan Urusan Tabung Haji, dan Kerajaan bersetuju untuk menggunakan syarikat perkapalan ini untuk mengangkut jemaah haji Malaysia ke Mekah adalah disebabkan adanya komisen yang diberikan oleh syarikat perkapalan ini kepada Tabung Haji, jika benar, saya minta supaya dijelaskan banyak mana?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, dalam perkara ini Tabung Haji ada membuat perjanjian dengan Great Malaysia Shipping Line berkenaan dengan penggunaan kapal ini, dan saya fikir tentulah pihak Tabung Haji mendapat keuntungan daripada peraturan ini.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Apa yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi berkenaan dengan kapal yang baharu yang membawa penumpang-penumpang ke Jeddah akan diperiksa oleh pakar-pakar jentera, jadi adakah maknanya waktu kapal yang mula-mula dahulu membawa penumpang-penumpang bahawa kejap-kejap rosak, sekejap-sekejap meletup tidak diperiksa oleh pakar-pakar jentera?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, dahulu dia periksa juga, tetapi masa itu tidak meletup selepas dia berjalan, baharu dia meletup, kemudian diperiksa semula (*Ketawa*).

PERATURAN PERTAHANAN LIMA NEGARA

6. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri menyatakan dasar yang ada sekarang ini mengenai Peraturan Pertahanan Lima Negara, dan samada beliau telah menawarkan kepada Russia supaya menubuhkan pengkalan kecil asing di Malaysia, sebagai membalas sokongan Russia ke atas dasar pengecualian Asia Tenggara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, sepertimana saya telah terangkan dahulu, Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa apabila konsep pengecualian telah diterima oleh negara-negara Asia Tenggara, Peraturan Pertahanan Lima Negara itu akan ditamatkan secara beransur-ansur apabila peruntukan-peruntukan pengecualian Asia Tenggara diwujudkan dan apabila pengecualian itu telah tercapai dengan sepenuhnya, maka Peraturan Pertahanan Lima Negara itu akan berakhir. Berkenaan dengan bahagian kedua soalan ini, tidak ada tawaran seperti yang disebutkan itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah perjanjian sulit di antara Malaysia dan Soviet Russia untuk mengadakan atau mewujudkan pengkalan kecil di Malaysia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan ini tidak biasa membuat perjanjian sulit, kalau ada perjanjian, kita buat terang-terang dan bertulis dan kita akan isytiharkan dan terangkan kepada rakyat.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Kalau konsep perkecualian Tenggara Asia mendapat sokongan dari semua negara-negara ASEAN, bolehkah sebuah negara ada satu bilateral agreement dengan kuasa besar bagi menempatkan askar-askarnya dalam negeri itu?

Perdana Menteri: Saya kurang faham atas soalan ini. Saya tidak boleh terangkan dengan jelasnya, kerana konsep ini belum diputuskan lagi dan masih dalam perundingan. Jadi setelah mendapat persetujuan kelak, kita akan dapat tahu apakah yang sebenarnya butir-butir dalam konsep itu.

Dr Chen Man Hin: Sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sampai ke Moscow, ada dalam suratkhbar telah menyatakan bahawa Malaysia menyuruh askar-

askar dari luar negeri keluar dari Malaysia. Dan apabila beliau sampai di Moscow perkhbaran itu telah dinafikan oleh pegawai-pegawai di Eropah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, peristiharan yang baharu yang mula-mula itu adalah silap sedikit, sebab saya adalah sentiasa menerangkan dan dalam Dewan ini juga saya telah terangkan iaitu apabila konsep perkecualian Tenggara Asia ini telah diterima, maka masaalah pengkalan (base), pengkalan peperangan atau pertahanan di Asia ini akan diundurkan secara beransur-ansur, bukan cadangan hendak diundurkan pengkalan itu dari sekarang. Perkara itu hanya akan timbul apabila konsep itu telah diterima oleh semua negara-negara Tenggara Asia.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di Pertua, adakah tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat antara lima negara kepada persetujuan Pertahanan Lima Negara untuk membincangkan apakah bentuk atau apakah keputusan terhadap persetujuan pertahanan ini selepas kejayaan Kerajaan-kerajaan baru di Australia dan New Zealand, dan jikalau ada bila mesyuarat itu akan diadakan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, belum ada apa-apa dibuat atas perkara ini. Kita tidak dapat apa-apa perutusan yang rasmi daripada kedua-dua negara itu.

SURUHANJAYA PILIHANRAYA— TUGAS

7. Tuan Yeo Teck Chye bertanya kepada Perdana Menteri mengapakah parti-parti politik dan juga wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat seperti Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Majlis Undangan Negeri dilarang daripada mendaftarkan pengundi-pengundi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, adalah menjadi tugas Suruhanjaya Pilihanraya dan bukannya tugas parti-parti politik dan wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat seperti Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Majlis Undangan Negeri untuk mendaftarkan pengundi-pengundi. Walaubagaimana pun, mereka boleh memberi pertolongan kepada Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran yang telah dilantik oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk mendaftarkan pengundi-pengundi.

Dalam masa pendaftaran pengundi-pengundi tahun lalu, Suruhanjaya Pilihanraya telah menerima borang-borang pendaftaran pengundi terus daripada parti-parti politik dan orang-orang persaorangan, tetapi telah didapati bahawa terlalu besar bilangan pengundi-pengundi yang mendaftarkan lebih dari sekali dan ini menyebabkan banyak kesukaran kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Untuk mengelakkan berulangkali perkara ini, maka Suruhanjaya Pilihanraya memutuskan tidak membenarkan parti-parti politik dan orang-orang persaorangan mendaftarkan pengundi-pengundi. Saya suka menerangkan iaitu Suruhanjaya Pilihanraya ini adalah badan yang bebas bukanlah di bawah jagaan Kerajaan.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu ada juga pegawai-pegawai yang dihantar dari Pejabat Pilihanraya pergi ke tiap-tiap rumah bila diperiksa adakah orang itu di rumah atau tidak, kalau dipanggil nama orang itu tidak ada maka dia hendak potong nama orang itu. Ini adalah suatu hukuman daripada Election Commission, kalau macam ini barangkali beribu-ribu sudah hilang dalam negara kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, ini saya tidak tahu, tetapi saya tahu ada wakil-wakil parti politik yang menjalankan pendaftaran pengundi-pengundi lebih daripada sekali.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di Pertua, sedarkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ramai pengundi-pengundi yang layak didaftarkan tidak sempat mendaftar kerana banyak sebab-sebab. Sebab yang penting ialah kerana jentera untuk mendaftar pemilih-pemilih atau pengundi-pengundi tidak memuaskan hati dan bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan, adakah rancangan untuk mengadakan all round the year pendaftaran untuk mengelakkan semua masaalah-masaalah ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, kalau kita menjalankan pendaftaran all round the year, dan saya fikir kalau parti-parti politik memberi kerjasama kepada Pejabat Pilihanraya dan tidak menghalang pekerjaan Suruhanjaya Pilihanraya maka jentera ini boleh berjalan dengan baiknya.

Datuk Dr Haji Abdul Aziz bin Omar: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Di masa menyemak undi baru-baru ini, didapati di dalam satu kawasan seramai 1,800 pengundi telah disingkirkan daripada senarai itu, apakah langkah yang Kerajaan akan ambil bagi mengatasi perkara ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, perkara ini terpulanglah kepada pihak Election Commission bagi mengambil apa-apa langkah yang difikirkan patut.

PERSATUAN BAHASA TIONGHUA UNIVERSITI MALAYA—SEMINAR

8. Tuan Chan Fu King minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa pihak polis tidak membenarkan Persatuan Bahasa Tionghua Universiti Malaya mengadakan seminar mengenai masalah pelajaran Cina pada 25hb dan 26hb Oktober, 1972.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, tidaklah benar bagi Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa pihak polis tidak membenarkan Persatuan Bahasa Tionghua Universiti Malaya mengadakan seminar pada 25hb dan 26hb Oktober, 1972. Apa sebenarnya telah berlaku ialah:

(i) Pada 11hb Oktober, 1972, Persatuan Bahasa Tionghua Universiti Malaysia telah memohon kepada Ketua Polis Daerah Kuala Lumpur untuk mendapatkan permit membenarkan Persatuan itu mengadakan satu seminar di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 25hb dan 26hb Oktober, 1972. Perkara yang hendak dibincangkan dalam seminar itu ialah—

(a) Bagaimana Hendak Menjamin Kedudukan Sekolah-Sekolah Cina Tidak Akan Diubah (How To Protect Chinese Schools From Changing);

(b) Hak-hak Asasi Pelajaran Ras di Dalam Masyarakat Berbilang Kaum dan Peranannya (The Basic Rights Which Should be Enjoyed by Racial Education in A Multi Racial Society and the Role It Should Play).

(ii) Memandang kepada hakikat yang tersebut di atas dan juga bahawa Persatuan itu adalah sebuah badan pelajar yang didaftarkan dengan pihak berkuasa Universiti Malaya, maka pihak polis berpendapat bahawa seminar itu adalah lebih sesuai diadakan di dalam campus Universiti sahaja di mana segala kemudahan-kemudahan didapati bagi melaksanakan maksud mereka. Oleh itu permohonan untuk mengadakan seminar tersebut di Dewan Bahasa dan Pustaka ditolak. Sungguhpun begitu pihak polis telah mengesyorkan kepada Persatuan itu supaya mengadakan seminar itu di campus Universiti Malaya terhad kepada penuntut-penuntut, pensyarah-pensyarah dan ahli-ahli panel sahaja.

GERAKAN PRE-MIFFION DI IBU KOTA

9. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa di Malaysia ini lebih-lebih lagi di Bandaraya Ibu Kota terdapat gerakan Pre-Miffion yang telah diketahui mempunyai hubungan rapat dengan gerakan Yahudi sedunia dan mengelirukan fahaman-fahaman Islam yang sebenarnya, kalau ya, apakah tindakan yang akan diambil ke atas gerakan itu.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, ini ialah kali pertamanya saya mendengar gerakan yang bernama "Pre-Miffion". Pertubuhan seperti ini tidak ada didaftarkan di negeri ini. Jika Ahli Yang Berhormat itu mengetahui adanya pertubuhan seperti yang disebutkan itu mempunyai hubungan rapat dengan gerakan Yahudi sedunia, saya harap ia akan memberi maklumat-maklumat selanjutnya bagi membolehkan Kementerian ini mengambil tindakan sewajarnya. Sebaliknya jika Ahli Yang Berhormat itu memaksudkan pertubuhan itu ialah pertubuhan "Free Mason", saya suka menyatakan bahawa pertubuhan tersebut serta cawangan-cawangannya di negeri ini telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan (Societies Act), 1966. Setakat ini Kementerian saya tidak ada mempunyai apa-apa maklumat ataupun bukti yang menyatakan bahawa pertubuhan tersebut

ada mempunyai hubungan dengan pergerakan Yahudi sedunia dan mengelirukan fahaman-fahaman Islam yang sebenarnya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Apakah Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa gerakan yang dinamakan surat yang mengandungi bom yang selalu dipos di Malaysia khususnya dari Pulau Pinang ada kaitannya dengan Gerakan Yahudi untuk mencemarkan nama Kerajaan Malaysia yang memang menyukung Gerakan Pembebasan Arab di negara Palestine?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, ini soalan berkenaan dengan pertubuhan.

Tuan Yang di Pertua: Saya rasa soal ada atau tidaknya perkara Pre-Miffion ini hendaklah ditentukan dahulu. Saya rasa Pre-Miffion ini barangkali Free Mason—sebutannya tidak betul.

TALIGERAM HARI KELEPASAN— PERKHIDMATAN

10. Tuan V. David minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa taligeram yang dihantar pada hari-hari kelepasan tidak sampai ke tempat yang dimaksudkan pada hari itu juga tetapi diserahkan pada hari berikutnya, dan jika ya, samada beliau akan menyiasat perkara ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, ya, saya sedar perkara ini memang ada berlaku kerana pada hari kelepasan semua Pejabat-pejabat Kerajaan ditutup. Sungguhpun ada kalanya Pejabat Talikom dibuka dua puluh empat jam, tetapi apabila hari cuti diberitahu kalau hendak dihantar taligeram, boleh diterima, tetapi akan lambat dihantarkan kerana Pejabat-pejabat tutup di tempat yang mana taligeram itu dihantar, maka itulah sebabnya. Walau bagaimanapun, saya sedang merundingkan perkara ini dengan Ketua-ketua Pejabat yang berkenaan bagaimana kita hendak memperbaiki keadaan ini supaya diadakan special service, tetapi ini hendak disemak dahulu kerana perbelanjaan dan complication berkenaan pejabat-pejabat.

PROJEK PERINDASTRIAN DI LUAR BANDAR

11. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberikan satu lapuran mengenai dua tahun yang pertama bermulanya Rancangan Malaysia Kedua untuk mencapai cita-cita Kerajaan untuk meluaskan perusahaan ke kawasan-kawasan luar bandar, dengan memberikan butir-butir mengenai jenis dan bilangan perusahaan-perusahaan yang terlibat, dan jumlah bilangan pekerjaan yang telah diujudkan dari dasar perindustrian di kawasan luar bandar tersebut.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di Pertua, semenjak Rancangan Malaysia Kedua dilancarkan sehingga bulan September tahun ini, Kerajaan telah meluluskan 217 projek-projek perindustrian yang akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang belum menjadi kawasan-kawasan perkolompokan kemajuan. Projek-projek ini merupakan 40% daripada jumlah kesemua projek-projek yang diluluskan dalam jangka-masa itu.

Pecahan jenis projek-projek yang akan bertempat di kawasan-kawasan itu adalah seperti berikut:

Makanan	...	...	...	33
Kimia	...	...	...	27
Letrik	...	...	...	24
Kain	...	...	...	22
Hotel	...	...	...	21
Plastik	...	...	...	16
Barang-barang bukan logam	...	...	...	15
Kayu-kayan	...	...	...	14
Logam Asas	...	...	...	5
Pelbagai	...	...	...	40
Jumlah	...	...	...	217

Kawasan-kawasan di mana projek-projek ini akan ditempatkan adalah seperti berikut:

Selangor (di luar kawasan-kawasan perusahaan yang biasa)	...	...	48
Perak (di luar kawasan-kawasan perusahaan yang biasa)	...	...	17
Pulau Pinang (di luar kawasan-kawasan perusahaan yang biasa)	...	...	31
Johor (di luar kawasan-kawasan perusahaan yang biasa)	...	...	24

Negri Sembilan	...	...	...	22
Melaka	...	...	...	16
Kedah	...	...	...	11
Pahang	...	...	...	8
Kelantan	...	...	...	3
Trengganu	...	...	...	3
Perlis	...	...	...	3
Sabah	...	...	...	12
Sarawak	...	...	...	19
Jumlah	...	...	...	217

Projek-projek ini dijangkakan boleh memberi pekerjaan kepada 44,000 orang apabila dilaksanakan nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu bahawa daripada 200 buah kilang yang telah diluluskan dalam masa ini, berapa buahkah yang sudah memulakan production?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di Pertua, saya berkehendakkan notis untuk memberi jawapan yang tepat atas soalan ini.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU— LAWATAN DIBUAT

12. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan berapa banyakkah kampung-kampung baru yang telah beliau lawati semenjak beliau memegang jawatan tersebut dan berapa banyakkah wang orang ramai yang telah digunakan semasa lawatan itu.

Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di Pertua, sehingga akhir bulan November tahun ini, saya telah melawat lebih kurang 108 buah kampung baru dan jumlah perbelanjaannya, iaitu elaun subsistence berjumlah lebih kurang \$2,800.

Istilah kampung baru ialah kawasan-kawasan penempatan semula dan kawasan-kawasan perkumpulan yang ditunjukkan dalam masa darurat demi kepentingan keselamatan pada masa itu. Seratus lapan buah kampung yang saya lawati itu ialah kampung-kampung baru yang termasuk di dalam istilah ini, tetapi tidak termasuk lain-lain kampung atau kawasan-kawasan kediaman. Jumlah perbelanjaan ialah elaun subsistence berhubung lawatan-lawatan ke kampung-kampung tersebut sahaja.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, masalaah berkenaan dengan penduduk-penduduk di Kampung Coldstream dan Kuala Bikam itu sudah selesaikah atau belum?

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di Pertua, ini soalan lain.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, ini bukan soalan lain, sebab kedua-dua tempat itu Yang Berhormat Menteri ada melawat pada tahun ini.

Tuan Yang di Pertua: Saya rasa, kalau tahu bolehlah diberi jawapan, apa salahnya; ini berkenaan dengan soalan itu juga.

Dr Lim Keng Yaik: Kalau Ahli Yang Berhormat hendak tahu masalaah Kampung Coldstream, saya rasa beliau boleh membuat soalan yang lain dan saya akan timbangkan.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, oleh sebab saya dan penduduk-penduduk di tempat itu ada memberi satu memorandum kepada Yang Berhormat Menteri dan hari ini mereka belum dapat apa-apa jawapan berkenaan dengan perkara ini.

Dr Lim Keng Yaik: Saya ingat, saya sudah melawat tempat itu lebih kurang lapan bulan dahulu. Kalau Ahli Yang Berhormat itu mahu tahu sekarang apa yang terkandung dalam memorandum ini, saya rasa susahlah. Kalau hendak tahu juga beliau hendaklah menulis surat dan saya akan memberitahunya.

RANCANGAN PERTANIAN MODEN— MEMAJUKAN

13. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah langkah-langkah tegas yang telah diambil supaya perusahaan pertanian rakyat di luar bandar bertukar dari perusahaan tradisi seperti sekarang menjadi satu usaha perniagaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua, Kementerian Pertanian dan Perikanan adalah sentiasa mengambil berat atas pendapatan dan keadaan kehidupan penduduk-penduduk luar bandar terutamanya peladang-peladang dan nelayan-nelayan. Langkah-langkah yang positif dan

tegas telah diambil oleh Kementerian untuk mengadakan beberapa rancangan untuk memajukan pertanian dengan cara yang moden, seperti penubuhan Persatuan Peladang, Persatuan Nelayan, Institusi-institusi Pengajian Pertanian seperti Instituti Pertanian, Instituti Urusan Haiwan dan Instituti Latihan Nelayan bagi melatih Juruteknik-juruteknik untuk menyampaikan teknologi-teknologi moden kepada petani-petani dan nelayan-nelayan. Rancangan-rancangan pertanian telah dilancarkan untuk tanaman padi dua kali setahun, tanaman semula dan pemulehan kelapa dan pokok-pokok buah-buahan dan penanaman pokok-pokok yang mendatangkan hasil seperti jagong, kacang tanah, koko, buah-buahan dan lain-lain lagi adalah digalakkan dengan besar-besaran. Teknologi untuk penanaman tanaman-tanaman yang mendatangkan hasil adalah diperolehi melalui penyelidikan dan juga melalui rancangan-rancangan perkembangan pertanian termasuk latihan kejenteraan pertanian supaya peladang-peladang dapat dengan secara menukar cara dari pertanian tradisi untuk makanan sendiri kepada cara tanaman untuk perniagaan.

Dari segi pelaksanaan pula segala rancangan-rancangan pembangunan Pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Perikanan adalah dibuat mengikut konsep pembangunan secara kawasan. Ini bermakna segala teknologi-teknologi dan kemudahan-kemudahan asas seumpama "Production Inputs" termasuk keredit, benih, baja, racun-racun dan lain-lain serta juga pemasaran hasil dan pengangkutan adalah disalurkan dan diuruskan dengan cara teratur melalui Pertubuhan-pertubuhan Peladang yang meliputi kawasan-kawasan pembangunan yang tertentu. Di samping itu pula kemudahan-kemudahan dan pertolongan yang sebegitu rupa disalurkan juga kepada masyarakat tani seluruhnya melalui perkhidmatan pembangunan yang diselenggarakan oleh Jabatan-jabatan Pertanian Negeri.

Dengan cara yang demikian, dapatlah usaha bersatu dijalankan bagi merancang, mengumpulkan tenaga, pengalaman kemahiran, modal dan tanah dan melaksanakan projek-projek Pertanian yang besar dan berkumpul. Kementerian juga menggalakkan peladang-peladang di kawasan padi sekali setahun meninggikan pendapatnya dengan mengusahakan tanaman-tanaman yang menguntungkan di luar musim yang sesuai dengan

keadaan tanahnya. Dengan cara inilah peladang-peladang dan nelayan-nelayan boleh mengendalikan projek-projeknya dengan baik dan tersusun selaras dengan semangat pembangunan baru.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan sedar bahawa untuk menukarkan perusahaan pertanian rakyat daripada perusahaan tradisi menjadi perusahaan perniagaan, masalah yang paling besar ialah perusahaan tradisi selalunya memakan tenaga dan pekerja yang ramai dan apakala hendak ditukarkan perusahaan itu menjadi perusahaan perniagaan, maka ia perlu dimodenkan dan ini biasanya menggunakan mesin dan alat-alat yang baharu, di mana tenaga-tenaga pekerja yang ramai itu akan tergugat, adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar dan apakah usaha-usaha untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, saya kurang jelas maksud yang akhir itu "tergugat". Apakah makna tergugat itu? Tolong jelaskan sedikit.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Maksud tergugat ertinya sebahagian pekerja-pekerja yang menjadi pekerja dalam perusahaan tradisi itu akan tidak dapat bekerja apakala perusahaan itu dimodenkan dengan sebab tenaga itu diambil oleh mesin-mesin dan alat-alat jentera yang baharu.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, setakat ini belum ada lagi pekerja-pekerja yang tergugat daripada sebab perusahaan pertanian dari tradisi kepada moden dan usaha-usaha yang dijalankan oleh Persatuan Peladang hari ini selain daripada hendak memodenkan pertanian dari segi alat-alatnya juga menjadi satu masalah untuk memodenkan fikiran petani-petani daripada bentuk dan tradisi lama kepada fikiran secara moden ini. Setakat ini seperti yang disebutkan tadi dalam usaha Persatuan Peladang untuk memasarkan pertaniannya juga berjalan dengan begitu lancar dan saya harap dalam tahun hadapan ini akan lebih pesat lagi. Yang demikian tidaklah timbul soal petani-petani yang menganggor dari sebab usaha-usaha tradisi itu kepada pemodenan ini dijalankan sekarang.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Kerajaan adalah menggalakkan dan mengambil berat

di atas kehidupan petani-petani dengan mengadakan mesin-mesin dan sebagainya tetapi apakah tujuan Kerajaan di dalam tempoh 5 tahun akan datang ini bagaimana-kah untuk mengatasi kehidupan petani-petani yang mempunyai satu dua ekar sungguhpun ada galakan untuk menanam padi dua kali setahun, terutama sekali sawah padi. Jadi apakah galakan Kerajaan untuk meninggikan kehidupan ini oleh kerana ada taliair yang baik, bermelion telah kita keluarkan wang, trekter-trekter tetapi saya hendak bertanya adakah Kerajaan berusaha untuk membuat collective farming cara Malaysia, bukan cara Russia untuk meninggikan kehidupan rakyat di kampung-kampung terutama sekali di tempat sawah oleh kerana tanah sawah adalah terhad (limited).

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, dalam usaha Kerajaan meninggikan taraf hidup petani ini ada dua cara yang besar. Satu, cara bagi mereka yang kesempitan tanah atau dahagakan tanah dipindahkan ke rancangan-rancangan FELDA. Bagi petani-petani yang memiliki tanah yang tidak begitu cukup, maka itulah usaha-usaha dari cara petani menanam padi dengan dua kali setahun dan juga seperti yang sedang terjadi dan berlaku di Kuala Berang petani-petani di sana tidak lagi menanam padi tetapi sebaliknya menanam kacang tanah disebabkan hasil kacang tanah lebih banyak daripada hasil padi. Jadi usaha kita hendak collective farming seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ini bolehlah difikirkan dari semasa ke semasa cara-cara yang sebaik-baiknya. Tetapi bagaimanapun usaha-usaha untuk menanam padi dua kali setahun seperti yang dijalankan di Perairan Muda telah mendatangkan hasil yang boleh dikatakan baik setakat ini tetapi Kerajaan belum berpuas hati di atas apa yang sudah terjadi, tetapi kita harap dalam tempoh 5 tahun yang akan datang ini usaha-usaha yang berkesan lagi tegas akan datang dijalankan.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar masalah yang paling penting terhadap kaum petani ialah kekurangan tanah, dan apakah tindakan Kerajaan akan ambil untuk mengambil tanah daripada absentee landlord dan memberi tanah tersebut kepada kaum petani?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, soal tanah absentee landlord ini rasa saya mungkin banyak di estet-estet, di ladang-ladang yang besar. Sekarang ini ada rancangan Kerajaan Negeri cuba untuk mengambil tanah-tanah itu untuk diberi kepada buruh-buruh estet, terutamanya yang bekerja di dalamnya akan tetapi bagi sawah rasa saya tidak ada sawah-sawah yang tertinggal seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar di seluruh Malaysia ada tanah sawah yang digunakan oleh kaum petani, tetapi dipunyai oleh absentee landlord. Jika beliau tidak sedar, bolehkah beliau atau Kementerian Pertanian dan Perikanan menyiasat atas perkara ini dan mengambil tindakan yang sesuai dan sewajarnya?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya sedar dan mengetahui hal ini tetapi perlaksanaan tidak begitu banyak dan satu undang-undang telah pun ada mengenai hendak mengawal sewaan yang lebih kepada petani-petani ini sedang berjalan di beberapa buah negeri sekarang ini. Jadi saya fikir soal penindasan kepada kaum petani yang menanam padi tidaklah begitu berat seperti yang berlaku lima enam tahun dahulu.

PERPUSTAKAAN DEWAN BAHASA

14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan samada "Perkhidmatan Perpustakaan" Dewan Bahasa dan Pustaka, bukan sahaja berguna bagi kerja-kerja rujukan untuk kakitangan Dewan dan juga kerja-kerja penyelidikan mengenai Bahasa Malaysia dan Kesusasteraan Melayu, tetapi berguna juga dalam bidang-bidang yang lain.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, Perpustakaan Dewan Bahasa adalah satu perpustakaan khas yang tertumpu kepada bahan-bahan untuk penyelidikan mengenai Bahasa Malaysia dan Kesusasteraan Melayu. Walaubagaimanapun, bahan-bahan rujukan dalam bidang-bidang yang lain ada juga disediakan dengan agak terbatas. Perkhidmatan rujukan ini bukan sahaja digunakan oleh kakitangan-

kakitangan Dewan Bahasa bahkan juga dibuka untuk umum pada waktu pejabat sahaja. Oleh sebab perpustakaan ini bukan satu perpustakaan umum maka buku-bukunya tidak dipinjamkan kepada orang ramai.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka ini dibuka juga kepada penuntut-penuntut sekolah yang berhampiran dengan Dewan Bahasa. Jika ya, bolehkan Yang Berhormat Menteri memberi nama dua tiga buah sekolah yang terlibat?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, jawabnya ya. Yang sebenarnya kanak-kanak yang belajar disekolah-sekolah di Kuala Lumpur memang banyak menggunakan perkhidmatan perpustakaan ini dan kalau hendak nama sekolah-sekolah daripada mana kanak-kanak itu belajar saya minta notis.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab buku-buku di perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka pada masa ini boleh dikatakan bernilai dan berbeza dengan buku-buku perpustakaan yang ada di Parlimen ini, bolehkah Ahli-ahli Parlimen ini diberi peluang meminjam buku perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka itu.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, seperti yang saya telah katakan tadi bahawa perpustakaan ini bukan satu perpustakaan umum dan buku-bukunya tidak dapat dipinjamkan, tetapi kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan ini perlu meminjam buku-buku daripada Dewan ini kita akan timbangkan.

PEMBANCUH UBAT (DISPENSERS)— PERLETAKAN JAWATAN

15. Dr A. Soorian minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa:

- (i) hingga tahun 1964, 20% Pembancuh-pembancuh ubat (dispensers) Kerajaan telah berhenti daripada perkhidmatan dan bekerja dengan sektor-sektor perendirian atau pun melanjutkan pelajaran mereka dan ramai yang akan berhenti. Tidakkah ini hanya membazirkan wang Kerajaan dengan melatih mereka itu selama tiga tahun;

- (ii) samada Kerajaan membuat kontrak dengan mereka itu supaya selepas latihan bagi mereka tidak akan berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan;
- (iii) tanggagaji pembancuh-pembancuh ubat (dispensers) telah tidak dikaji semula semenjak 15 tahun, tetapi tanggagaji pembantu-pembantu Rumah Sakit yang mempunyai kelulusan dan kelayakan masuk bekerja yang sama serta mendapat latihan dalam tempoh yang sama dengan pembancuh-pembancuh ubat (dispensers) telah mendapat 2 kali ulangkajian—satu pada awal tahun 1964 dan satu lagi dalam tahun 1968;
- (iv) lapuran Suffian telah membuat beberapa syor meninggikan tanggagaji maksima lebih kurang \$600 selepas ditimbangkan elaun-elaun sara hidup dan perumahan, gaji bersihnya hanya beberapa ringgit sahaja tambahan kepada pembancuh-pembancuh ubat. Bagaimana pula Pembantu Kebajikan Masyarakat yang mempunyai kelulusan yang sama dengan pembancuh-pembancuh ubat Kerajaan telah menerima gaji maksima \$100 lebih daripada pembancuh-pembancuh ubat Kerajaan; dan
- (v) samada beliau sedar bahawa Pembantu-pembantu Rumah Sakit yang bekerja di tempat kusta "leprosoria" tempat batuk kering (T.B. Sanitoriums) dan Rumah Sakit Otak telah dibayar elaun bahaya tetapi pembancuh-pembancuh ubat tidak; jika ya, mengapa.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua,

- (i) Pembancuh-pembancuh ubat yang telah memegang jawatan Kerajaan sebelum 1hb Januari, 1972 telah diambil sebagai pegawai-pegawai Kerajaan. Kementerian Kesihatan tiada boleh menahan mereka daripada meletakkan jawatan oleh sebab mereka tidak terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan.
- (ii) Selepas 1hb Januari, 1972 pengambilan pembancuh-pembancuh ubat seperti juga pengambilan pelatih-pelatih para perubatan yang lain telah diubah. Mereka telah diambil sebagai pelatih-pelatih para perubatan dan memberi biasiswa Mengikut syarat-syarat peng-

ambilan yang baharu ini mereka adalah terikat berkhidmat dengan Kerajaan selama tempoh 5 tahun selepas tamat latihan itu.

- (iii) Apabila Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Gaji Suffian dalam tahun 1964, Kerajaan telah memutuskan bahawa semua tuntutan untuk kenaikan gaji daripada Kesatuan-kesatuan Sekerja yang diterima selepas 1hb Januari, 1963 hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya itu. Kesatuan Pembancuh Ubat telah mengemukakan tuntutan kenaikan gaji mereka kepada Kerajaan pada 21hb Ogos, 1963 dan dengan itu tuntutan tersebut adalah tertakluk kepada siasatan dan kajian Suruhanjaya Gaji Suffian. Suruhanjaya Gaji Suffian berkuat-kuasa mulai 1hb Januari, 1970 dan termasuklah di dalamnya ialah tangga-gaji baharu bagi pembancuh ubat.
- (iv) Perkara tangga-gaji pegawai-pegawai Kerajaan dan lain-lain kemudahan telahpun dikaji oleh Suruhanjaya Gaji Suffian yang ditentukan dalam tahun 1964 dan saya percaya tiap-tiap aspek telahpun ditimbangkan oleh Suruhanjaya Gaji tersebut malahan peluang-peluang telah diberi kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja dan juga orang-orang awam untuk menghantar memorandum dan membuat ulasan secara lisan dengan Ahli-ahli Suruhanjaya itu sewaktu Suruhanjaya tersebut mengkaji susunan tangga-gaji pegawai-pegawai Kerajaan. Kerajaan kemudiannya telah melaksanakan apa yang telah diperakukan di dalam lapuran Suruhanjaya itu.

Perbandingan tidaklah boleh dibuat di antara Pembancuh Ubat dengan Pembantu Kebajikan Masyarakat oleh sebab mereka bukan menjalankan kerja yang serupa dan tidak di dalam perkhidmatan yang sama.

- (v) Kementerian ini membayar elaun tugas khas kepada pekerja-pekerja yang membuat kerja-kerja rawatan dan berhubung rapat dengan pesakit-pesakit di Penempatan Kusta, Hospital Batuk Kering, dan Hospital Sakit Otak. Pekerja-pekerja tersebut ialah kakitangan jururawat, penolong jururawat dan pembantu hospital. Atendan-atendan hospital yang bertugas di

hospital Batuk Kering dan di tempatkan di Penempatan Kusta juga di bayar elaun tersebut. Asas pembayaran elaun itu ialah kerana pekerja-pekerja tersebut berdamping dengan cara langsung dengan pesakit-pesakit. Pembancuh ubat yang bekerja di tempat-tempat tersebut adalah menjalankan pekerjaan rawatan secara langsung dengan pesakit-pesakit.

Dr A. Soorian: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Menteri yang berkenaan menerangkan, kenapa pembancuh-pembancuh ubat di dalam rumah sakit yang kecil seperti Raub, Parit Buntar, Batu Pahat dan Kuala Krai menjalankan tugas-tugas yang lain daripada membancuh ubat, seperti membuat kerja-kerja kerani, storekeeper dan bill collector, dan adakah Kerajaan memberi bayaran wang lain daripada gajinya?

Tan Sri Lee Siok Yew: Jikalau Ahli Yang Berhormat boleh memberitahu saya secara specific cases, saya boleh membuat penyiasatan.

Dr A. Soorian: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa banyak pembancuh-pembancuh ubat di dalam rumah sakit kecil yang bekerja 24 jam satu hari, dia seorang sahaja yang menjaga di rumah sakit kecil itu?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, sebagai manusia, pekerja-pekerja di dalam apa-apa pertubuhanpun sekalipun tidak ada seorang yang boleh bekerja 24 jam sehari.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedar bahawa banyak atendan-atendan yang telah diminta oleh pihak yang berkuasa di hospital-hospital tempatan untuk menjalankan pekerjaan membancuh ubat ataupun menolong membancuh ubat sudah beberapa tahun dengan sebab pada masa-masa yang lalu adalah kekurangan pembancuh-pembancuh ubat ini. Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan bercadang untuk menimbangkan atendan-atendan ini untuk dilantik ataupun dipilih menjadi pegawai-pegawai pembancuh ubat walaupun mereka tidak mempunyai kelulusan-kelulusan yang sepatutnya mengikut pengambilan pembancuh ubat pada masa itu?

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain.

Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 16 hingga 55 adalah diberi di bawah ini).

TALIPON PELABUHAN KELANG DAN KUALA LUMPUR

16. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Perhubungan adakah beliau sedar bahawa saluran-saluran talipon di antara Pelabuhan Kelang dengan Kuala Lumpur tidak mencukupi, dengan itu seringkali pengguna-pengguna talipon mendapat nombor salah dari nombor yang dipusingnya atau nada "pakai".

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Pada masa ini ada sebanyak 113 liter-litar talipon di antara Pelabuhan Kelang dan Kuala Lumpur. Ini membolehkan sebanyak 113 panggilan talipon dibuat dalam masa yang serentak. Sungguhpun begitu pemeriksaan sentiasa dijalankan untuk mengurangkan kesibukan yang berlaku. Rancangan bagi memasang Sistem Minowave 960 saluran di antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Kelang sedang pun dipasang dan akan siap pada akhir 1974. Ini akan membekal liter-litar yang cukup untuk seluruh kawasan Kelang.

Sebagai langkah sementara 12 liter tambahan akan siap dipasang pada akhir bulan ini, 40 liter lagi pada Mac, 1973 dan sebanyak 60 liter tambahan akan siap dipasang pada akhir tahun hadapan.

PERUNTUKAN BELANJAWAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU

17. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan semenjak bertugas sebagai Menteri, berapakah peruntukan belanjawan yang telah diterima dari Kerajaan untuk kampung-kampung baru.

Dr Lim Keng Yaik: Peruntukan-peruntukan permulaan adalah ditunjukkan di dalam Anggaran Pembangunan 1973, di bawah perbekalan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, iaitu Kepala P. 42, P. Kepala 2 dan Kepala P. 49, P. Kepala 3

masing-masing berjumlah \$1,100,000 dan \$1,500,000. Sebahagian daripada peruntukan ini ialah untuk projek-projek di kampung-kampung baru.

SURAT PERMOHONAN CIK AYISHA

18. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa pada 25hb Februari, 1972 Cik Ayisha yang beralamat 27 Birch Lane, Pulau Pinang telah menulis sepucuk surat kepada Kementerian Pelajaran memohon borang-borang anjuran yang diperlukan untuk pengajian di luar negeri, dan tiada mendapat apa-apa jawapan pun. Satu bulan kemudian ia menghantar pula surat peringatan, pihak Kementerian telah mengiriskan borang-borang tersebut, pada 26hb April, 1972. Dia mengisikan borang-borang itu dengan segera dan mengiriskan semula kepada Kementerian. Hanya selepas dua bulan barulah ia mendapat surat akuan penerimaan borang tersebut. Selepas satu bulan barulah pihak Kementerian memanjangkan permohonannya ke Jabatan Pelajar-pelajar Malaysia (Malaysian Students Department) di London. Hingga hari ini Jabatan tersebut tiada memberi apa-apa jawapan pun kepadanya, oleh itu, bolehkah beliau menerangkan:

- (i) kenapakah begitu lambat pihak Kementerian menghantarkan borang-borang yang diperlukan itu kepada pemohon-pemohon;
- (ii) apakah rancangan-rancangan Kementerian Pelajaran bagi menolong pemohon-pemohon yang berhajat melanjutkan pelajaran ke seberang laut;
- (iii) apakah rancangan Jabatan Pelajar-pelajar Malaysia (Malaysian Students Department) jika ada bagi mengatasi masalah ini;
- (iv) kenapa Jabatan Pelajaran Malaysia (Malaysian Students Department) di London tidak mengambil berat tentang memberikan jawapan kepada surat-surat daripada pelajar-pelajar yang memerlukan keterangan;
- (v) adakah benar bahawa pelajar-pelajar yang memohon melalui agensi-agensi pelancungan (travel agencies) mendapat jawapan lebih cepat daripada mereka-mereka yang memohon terus kepada Kementerian Pelajaran, kerana agensi

membayar \$80 sebagai satu galakan mempercepatkan kelulusan permohonan daripada Jabatan; dan

- (vi) samada beliau akan menimbangakan mencitak satu aturan Pembiayaan Penuntut-penuntut oleh Kerajaan (Sponsorship of Students by the Government) untuk panduan pelajar-pelajar yang hendak menuntut di luar negeri.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Seperti-mana yang telah diterangkan di dalam Dewan ini pada 8hb yang lepas, jarak masa yang diperlukan sebelum sijil sokongan dapat dikeluarkan kepada seseorang penuntut tergantunglah kepada cara penuntut itu membuat permohonannya. Disamping itu sekiranya penuntut itu mempunyai kelulusan yang baik maka peluang ia mendapat tempat disesebuah kolej atau sekolah di seberang laut dengan lebih awal adalah lebih cerah lagi.

Mengenai kes Cik Ayisha, Kementerian Pelajaran tidak ada menerima suratnya yang dikatakan telah dihantar pada 25hb Februari, 1972 itu. Tetapi surat Cik Ayisha yang bertarikh 25hb April, 1972, bersama-sama borang telah diterima oleh Kementerian Pelajaran.

Tindakan selanjutnya telah diambil untuk memproses permohonan tersebut, dan Cik Ayisha yang telah berjaya mendapat tempat di Wandsworth Technical College telah berlepas ke United Kingdom pada 28hb Oktober, 1972. Dengan ini nyatalah bahawa tuduhan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa sehingga ke hari ini Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia di London tidak memberi apa-apa jawapan kepada permohonan Cik Ayisha itu adalah tidak berasas.

Mengenai pertanyaan-pertanyaan lain inilah jawabannya:

- (i) Pada biasanya borang-borang itu tidaklah lambat dihantar kepada pemohon-pemohon;
- (ii) Soalan Ahli Yang Berhormat ini tidak jelas. Tetapi sekiranya beliau maksudkan peraturan-peraturan yang telah disediakan untuk menolong memproses permohonan penuntut-penuntut pergi belajar ke seberang

laut, Kementerian saya telah mengedarkan risalah-risalah mengenai cara-cara memohon tajaan kepada Ketua-Ketua Pegawai Pelajaran Negeri. Ketua-Ketua Pegawai Pelajaran Negeri pula telah diarah supaya mengedar risalah-risalah tersebut kepada sekolah-sekolah:

- (iii) Soalan Ahli Yang Berhormat ini juga kurang jelas. Tetapi sekiranya beliau maksudkan peraturan-peraturan tajaan, ini telah saya jelaskan dalam (ii) tadi. Apa-apa kelewatan yang berlaku bukanlah disengajakan. Penempatan pemohon disesuatu yayasan pengajian bergantunglah kepada kelulusannya dan kekosongan tempat. Sekiranya pemohon mempunyai kelulusan yang baik maka peluang ia mendapat tempat lebih awal adalah lebih cerah lagi;
- (iv) Ini adalah tidak benar. Semua surat yang meminta penerangan adalah dijawab dengan secepat segera;
- (v) Sehingga lebih kurang empat minggu dahulu, jika dipohon, borang-borang tajaan telah dikeluarkan kepada agensi-agensi pelancongan. Walaubagaimanapun pengeluaran borang-borang ini kepada agensi-agensi itu tidak bermakna bahawa permohonan-permohonan yang diterima melaluinya diberi keutamaan. Ahli Yang Berhormat menuduh bahawa permohonan-permohonan demikian telah dipercepatkan oleh Kementerian Pelajaran dengan pembayaran \$80 sebagai galakan. Tuduhan ini amatlah berat. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberikan saya kes-kes yang spesifik, mengenai perbuatan rasuah ini, saya akan membuat penyiasatan yang rapi, dan sebagaimana yang saya telah memberi jaminan kepada Dewan ini pada minggu lalu, langkah-langkah tegas akan diambil terhadap sebarang pegawai Kementerian Pelajaran yang di dapati membuat kesalahan demikian.
- (vi) Sebagaimana yang telah diterangkan di dalam (ii) tadi, risalah-risalah telahpun disediakan dan telah diedarkan kepada Ketua-Ketua Pegawai Pelajaran Negeri dan Ketua-ketua Pegawai Pelajaran Negeri ini telah

diarahkan supaya memanjangkan risalah-risalah tersebut kepada sekolah-sekolah menengah diseluruh negeri.

SYARIKAT PENERANGAN ANTARABANGSA—HAK MENDARAT

19. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang diberi hak mendarat di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu dan samada MAS bercadang mengamalkan dasar kebebasan ruang udara bagi lapangan-lapangan terbang yang besar di Malaysia.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Bilangan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang diberi hak mendarat di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu adalah seperti berikut:

Kuala Lumpur	...	...	26
Pulau Pinang	...	...	3
Kota Kinabalu	...	...	1

Yang menentukan dasar kebebasan hak udara ialah Kerajaan dan bukan MAS.

PENERBANGAN MAS KUALA LUMPUR—MELAKA

20. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan samada penyiasatan yang wajar telah dibuat mengenai dakwaan oleh sebuah persatuan peladang bahawa Negeri Melaka telah diberi perkhidmatan yang baik sebelum adanya MAS, dan semua perkhidmatan yang ada sekarang ini bukanlah suatu pembaikan dan sebenarnya menyusahkan mereka.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Bilangan penerbangan MAS di antara Melaka dan Kuala Lumpur tidaklah berkurangan daripada bilangan penerbangan yang telah diadakan oleh MSA dahulu. Tetapi apa yang berbeza ialah waktu penerbangan tersebut.

Persatuan Peladang Malaysia memang ada mengemukakan pandangan mereka supaya MAS mengadakan penerbangan pagi dari Melaka ke Kuala Lumpur dan balik ke Melaka pada sebelah petang. Pihak MAS telahpun mengkaji permohonan itu dan bersetuju menukar jadual penerbangan MAS dari Melaka ke Kuala Lumpur dan balik mulai daripada 1hb Januari, 1973.

BILANGAN LESEN-LESEN TEKSI

21. Tuan Chan Fu King minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah lesen-lesen teksi yang dikeluarkan di (i) Negeri Perak; dan (ii) di Ipoh, dan samada apa-apa rancangan untuk mengeluarkan lesen teksi baharu untuk Perak dan kawasan Ipoh.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Bilangan lesen-lesen teksi dan kereta sewa yang telah dikeluarkan di dalam seluruh Negeri Perak sehingga 30hb November, 1972 ialah 1,252 dan 232 daripadanya adalah berpengkalan di Ipoh.

Tambahan sebanyak 123 lesen-lesen teksi dan kereta sewa akan dikeluarkan lagi di Negeri Perak dan ini termasuklah 5 yang akan berpengkalan di Ipoh. Langkah-langkah sedang dijalankan untuk mengeluarkan lesen-lesen tambahan ini dengan segera.

BULAN PUASA—BERKHIDMAT PENUH MASA

22. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan mengapa kakitangan-kakitangan Kerajaan dikenakan berkhidmat sepenuh masa dalam bulan puasa tahun ini, tidak seperti tahun-tahun yang lalu di mana mereka bekerja hanya setengah hari.

Perdana Menteri: Perubahan waktu bekerja dalam bulan puasa bagi tahun ini dan tahun-tahun hadapan adalah dibuat untuk kepentingan negara, khasnya orang-orang Islam juga. Dalam keadaan sekarang, di mana usaha-usaha pembangunan sedang dipergiatkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru, adalah perlu setiap usaha dan tenaga rakyat, termasuklah kakitangan-kakitangan Kerajaan ditumpukan untuk mencapai matlamat-matlamat Rancangan dan Dasar itu. Saya percaya masa menjalankan hukum-hukum Allah seperti berpuasa, Tuhan tidak menegah bahkan menggalakkan kita berusaha untuk memajukan masyarakat dan negaranya.

PERWAKILAN TAIWAN DI KUALA LUMPUR

23. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri menjelaskan kedudukan perwakilan Taiwan di Kuala Lumpur, samada beliau itu seorang duta, konsol atau wakil perdagangan.

Perdana Menteri: Dia ialah wakil konsol Taiwan.

ASPAC—PENDIRIAN MALAYSIA

24. Tuan Lim Kit Siang bertanya kepada Menteri Luar Negeri adakah Malaysia akan mengundur diri dari Majlis Asia dan Pasifik (ASPAC) yang telah dibentuk untuk meneguhkan persatuan dan kerjasama di kalangan negara-negara bukan komunis.

Perdana Menteri: Malaysia menjadi Ahli-Majlis Asia dan Pasifik (ASPAC) kerana kita menganggap ianya sebagai satu badan bagi menggalakkan kerjasama serantau dalam bidang social dan ekonomi, dan dengan itu keahlian kita dalam badan tersebut adalah sejajar dengan dasar kita dalam kerjasama serantau.

Walau bagaimanapun, sekiranya kita dapati keahlian kita dalam ASPAC tidak bersesuaian dengan tujuan-tujuan dasar luar negeri kita, maka kita akan mempertimbangkan semula perkara ini.

MALAYSIA/VIETNAM UTARA—HUBUNGAN DIPLOMATIK

25. Tuan Lim Kit Siang bertanya kepada Menteri Luar Negeri adakah Malaysia bercadang untuk menubuhkan hubungan diplomatik dengan Vietnam Utara.

Perdana Menteri: Malaysia mengamal dasar terbaik-baik dan mengadakan perhubungan dengan semua negara-negara yang benar-benar hendak terbaik-baik dengan kita. Soal perhubungan diplomatik dengan Vietnam Utara hendaklah ditimbangkan dalam konteks ini.

JAWATANKUASA TINDAKAN DAERAH—LANTIKAN WAKIL RAKYAT

26. Tuan Loh Jee Mee minta Perdana Menteri menyatakan kenapa Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dari parti DAP tidak dijemput untuk menghadiri berbagai-bagai Jawatankuasa-jawatankuasa Tindakan Daerah.

Perdana Menteri: Ahli-ahli Jawatankuasa Tindakan Daerah adalah dilantik atas kebijaksanaan Menteri Besar atau Ketua Menteri negeri yang berkenaan. Oleh itu

terpulanglah kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri yang berkenaan itu untuk melantik Wakil-wakil Rakyat yang difikirkan sesuai untuk menganggotai Jawatankuasa tersebut.

TENTERA AUSTRALIA DI SINGAPURA—PENEMPATAN

27. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau ber-setuju dengan kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri Australia bahawa tujuan tentera Australia di Singapura ialah untuk menahan perselisihan antara Malaysia dan Singapura; jika benar, bolehkah beliau menerangkan perkara ini dan, jika boleh, adakah Kerajaan Malaysia mendapati penjelasan mengenai kenyataan itu daripada Kerajaan Australia.

Perdana Menteri: Penempatan tentera-tentera Australia di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara bukanlah bertujuan menegah perselisihan di antara Malaysia dengan Singapura. Saya suka menyatakan di sini bahawa sekiranya timbul apa-apa perselisihan di antara Malaysia dengan Singapura, penyelesaiannya adalah untuk Malaysia dan Singapura sahaja menentukan.

Penjelasan bertulis yang kita terima daripada Kerajaan Australia (pada masa itu) mengenai kenyataan itu menegaskan bahawa tidak ada apa-apa perubahan kepada dasar Kerajaan Australia terhadap Peraturan Pertahanan Lima Negara, atau tentang tujuan penempatan tentera-tentera Australia di kawasan ini, yang telah diperuntukan di bawah Peraturan itu.

PENGUNDI-PENGUNDI BARU

28. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan berapa bilangan pengundi-pengundi baru yang telah didaftarkan dalam usaha mendaftarkan pengundi-pengundi bagi Malaysia Barat dan Malaysia Timur baru-baru ini. Harap berikan juga angka-angka bagi tahun 1971.

Perdana Menteri: Suruhanjaya Pilihan-raya setakat ini belum selesai menyediakan senarai pengundi-pengundi yang mendaftar semasa pendaftaran pengundi baru-baru ini dan tidak dapat memberikan bilangan yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, setakat ini bilangan pengundi yang mendaftarkan,

diri semasa pendaftaran tahun 1971 ialah 705,474 iaitu 652,690 bagi Malaysia Barat dan 52,784 bagi Malaysia Timur.

PATONG TOTEM RED INDIAN

29. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar beliau telah menerima sebuah patong Totem setinggi 10 kaki yang dianggap sebagai Tuhan oleh orang-orang Indian Merah (Red Indian) di Amerika sebagai hadiah penduduk-penduduk Washington kepada rakyat-rakyat Malaysia; jika benar, di manakah patong Totem dan anak-anaknya yang 16 lagi itu ditempatkan sekarang.

Perdana Menteri: Tidak. Yang sebenarnya patong Totem itu telah diterima oleh Pengerusi MAS. Patong Totem tersebut sekarang ini ditempatkan di Muzium Negara.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE SEBERANG LAUT

30. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan lawatan beliau keluar negeri baru-baru ini dalam bidang keselamatan Malaysia dan perkecualian Asia Tenggara.

Perdana Menteri: Tujuan lawatan saya keseberang laut baru-baru ini adalah untuk mengeratkan lagi tali persahabatan negara kita dengan negara-negara yang dilawati. Walaubagaimanapun saya telah mengambil kesempatan untuk menerang dan menjelaskan kepada pemimpin-pemimpin yang ditemui secara am, konsep Asia Tenggara sebagai Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali. Mereka telah menunjukkan minat dan fahaman terhadap konsep itu.

PENGARAH-PENGARAH MAS

31. Tuan Su Liang Yu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan dan nama Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang telah menjadi pengarah-pengarah MAS, syarikat-syarikat perkapalan dan badan-badan separa Kerajaan, dan nyatakan elaun yang dibayar kepada mereka sebagai pengarah-pengarah; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa pegawai-pegawai ini tidak begitu cekap dan oleh yang demikian badan-badan

separa Kerajaan ini tiada dapat menjalankan dasar-dasar Kerajaan dengan sempurna dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Jabatan beliau.

Perdana Menteri:

(a) Adapun bilangan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang menjadi Pengarah-pengarah MAS ialah lima orang dan nama-nama mereka adalah seperti berikut:

- (i) Encik G. K. Rama Iyer,
Ketua Pengarah,
Bahagian Perancang Am,
Jabatan Perdana Menteri—
Pengerusi.
- (ii) Y.B. Datuk Haji Abu Hassan bin Abdullah,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Perhubungan—
Pengarah.
- (iii) Encik Malik Ali Merican,
Timbalan Ketua Setiausaha Per-
bendaharaan,
Perbendaharaan—Pengarah.
- (iv) Encik Bujang bin Mohd. Noor,
Setiausaha Kewangan Negeri
Sarawak—Pengarah.
- (v) Y.B. Datuk Richard A. Lind,
Ketua Setiausaha,
Pejabat Ketua Menteri Sabah—
Pengarah.

(b) Bilangan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang menjadi Pengarah-pengarah Syarikat Perkapalan Kebangsaan pula ialah dua orang dan nama-nama mereka adalah seperti berikut:

- (i) Encik G. K. Rama Iyer,
Ketua Pengarah,
Bahagian Perancang Am,
Jabatan Perdana Menteri—
Pengarah.
- (ii) Datuk Haji Abu Hassan bin Abdullah,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Perhubungan—
Pengarah.

(b) Berkenaan dengan nama-nama dan bilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang menjadi Pengarah Badan-badan Berkanun pula, mereka ini adalah banyak bilangannya dan tidaklah mungkin bagi saya membutirkan

nama-nama mereka itu satu persatu. Walaupun demikian, memadailah saya menyatakan bahawa pada ketika ini terdapat tidak kurang daripada 56 badan-badan berkanun dan hampir tiap-tiap satu daripada mereka, ada dianggotai tidak kurang daripada dua atau tiga, kadang-kadang lebih pegawai-pegawai Kerajaan. Tujuan utama Kerajaan melantik pegawai-pegawai ini ialah bagi menjaga hak dan kepentingan Kerajaan yang ada di dalam badan-badan itu supaya mereka sentiasa mematuhi dasar-dasar Kerajaan.

(c) Mengenai elaun pula, setengah daripada mereka tidaklah diberi apa-apa elaun kerana ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab mereka hari-hari. Tetapi di mana satu-satu tanggungjawab itu tidak ada kena-mengena dengan jawatan yang mereka pegang di Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, biasanya ada juga elaun yang diberikan bergantung kepada kadar-kadar yang ditetapkan oleh syarikat-syarikat dan badan-badan tersebut. Elaun yang boleh disimpan (retain) oleh seseorang pegawai Kerajaan itu mestilah tidak lebih daripada \$500 sebulan tidak kira berapa banyak syarikat-syarikat atau badan-badan yang ia menjadi ahli.

2. Pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik menjadi Pengarah-pengarah di Badan-badan Berkanun ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang berkebolehan dan biasanya diambil daripada Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan Kerajaan yang mengawasi perjalanan Badan-badan Berkanun itu. Walaupun Kerajaan berpuashati dengan perkhidmatan mereka, namun bagi menentukan bahawa perjalanan Badan-badan ini sentiasa baik, teratur dan berkesan, Kerajaan telah pun mengarahkan satu kajian dibuat tentang perkara ini. Pegawai-pegawai ini adalah sentiasa diawasi oleh Menteri-menteri yang berkenaan dan juga Majlis Tindakan Negara yang mana saya sendiri menjadi Pengerusinya.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE LUAR NEGERI

32. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus
minta Perdana Menteri menyatakan sejauh

manakah kejayaan lawatan beliau keluar negeri baru-baru ini dalam bidang ekonomi dan pelaburan modal asing ke Malaysia.

Perdana Menteri: Saya telah menjawab soalan seakan ini di dalam Dewan ini pada 4hb Disember, apabila menjawab pertanyaan Yang Berhormat Ahli Dewan dari Seremban Timur dan saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

MALAYSIA/CINA—HUBUNGAN DIPLOMATIK

33. Dr Tan Chee Khoon: minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau telah membincangkan soal menubuhkan hubungan diplomatik dengan Negeri Cina ketika beliau bertemu dengan Duta Besar Cina di Austria dalam satu upacara makan malam baru-baru ini.

Perdana Menteri: Duta Besar Republik Rakyat Cina ke Austria adalah di antara tetamu-tetamu yang dijemput untuk menghadiri upacara makan malam yang saya beri di Vienna semasa saya melawat Austria baru-baru ini. Ini adalah perjumpaan sosial dan tidak terdapat apa-apa bincangan berhubung dengan perkara yang dibangkitkan.

PEMIMPIN-PEMIMPIN SOVIET RUSSIA

34. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Luar Negeri menyatakan nama-nama pemimpin-pemimpin terkemuka Soviet Russia yang beliau temui di Moscow baru-baru ini.

Perdana Menteri: Di antara pemimpin-pemimpin terkemuka Soviet Union yang saya bertemu ialah Pengerusi Presidium Tertinggi Soviet, Mr N.V. Podgorny dan Mr A.N. Kosygin, Pengerusi Majlis Menteri-menteri.

PERKHIDMATAN NEGARA UNTUK BELIA

35. Tuan Fan Yew Teng minta Perdana Menteri menyatakan bilakah beliau hendak melancarkan Perkhidmatan Negara atau pun National Service untuk belia kita sebagai satu bahagian untuk Citizens Militia yang beliau puji baru-baru ini di Switzerland.

Perdana Menteri: Saya telahpun membuat satu kenyataan mengenai perkara ini di Dewan ini pada hari Isnin lepas.

PERKHIDMATAN NEGARA

36. Tuan Goh Hock Guan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah beliau akan melaksanakan cadangannya bagi memulakan perkhidmatan negara (a citizens' army) di Malaysia;
- (b) samada beliau akan menghadapi kesukaran-kesukaran di dalam melaksanakan pendapatnya yang baik itu; dan
- (c) samada beliau akan menentukan yang perkhidmatan negara itu (a citizens' army) sebenarnya berbilang bangsa.

Perdana Menteri:

- (a) Saya dukacita bahawa Ahli Yang Berhormat kurang mengerti tentang kenyataan yang saya buat berkenaan dengan perkhidmatan negara. Saya tidaklah pernah mengesyorkan yang kita patut mengadakan "citizens' army" di Malaysia. Apa yang saya fikir perlu diadakan ialah satu cara perkhidmatan negara yang bukan semata-matanya untuk tujuan pertahanan tetapi yang lebih penting ialah untuk memupuk dan menanam semangat kesedaran kebangsaan dan taat setia kepada Negara serta menyemaikan perasaan tanggungjawab dan perasaan turut serta dalam usaha-usaha pembangunan Negara.
- (b) Saya percaya konsep perkhidmatan negara ini bila dilaksanakan nanti tidak akan menghadapi masalah-masalah yang besar. Bagi menentukan rancangan ini dilaksanakan dengan licin, saya telahpun mengarahkan sebuah Jawatankuasa bagi menyemak semua aspek yang berkaitan dengan rancangan ini.
- (c) Bolehlah saya memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa rancangan ini akan disertai oleh semua kaum. Bahkan satu daripada tujuan-tujuan besar Kerajaan bagi mengadakan perkhidmatan negara ini ialah untuk menggalakkan percampuran antara kaum dan memupuk perpaduan negara.

SURUHANJAYA PILIHANRAYA—DAFTAR PENGUNDI

37. Tuan Lim Kit Siang bertanya kepada Perdana Menteri berhubung dengan kerja

pendaftaran pengundi-pengundi yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam bulan September tahun ini:

- (i) mengapakah Suruhanjaya Pilihanraya enggan mengeluarkan borang-borang pendaftaran kepada parti-parti pembangkang seperti mana yang biasa dibuat dalam sepuluh tahun yang lepas bagi memudahkan pendaftaran nama pengundi-pengundi;
- (ii) adakah beliau sedar bahawa ramai orang-orang yang ingin mendaftar telah tidak mendapat layanan di pejabat-pejabat pendaftaran yang telah ditentukan di seluruh negara terutama sekali dalam minggu terakhir oleh kerana kekurangan borang-borang pendaftaran;
- (iii) adakah beliau sedar bahawa di beberapa tempat dan kawasan bandar di mana parti-parti pembangkang kuat bertapak, pegawai-pegawai mendaftar adalah sebenarnya terlibat di dalam "kerja-kerja memotong nama-nama pengundi" daripada terlibat di dalam "kerja-kerja mendaftar nama-nama pengundi" kerana mereka enggan mendaftar nama-nama pengundi yang layak, dan mereka hanya sibuk menarik hak-hak mengundi daripada pengundi-pengundi yang belum lagi menukarkan alamat mereka;
- (iv) adakah beliau sedar bahawa adalah menjadi satu kesulitan dan kesusahan bagi pengundi-pengundi biasa untuk pergi ke pejabat-pejabat Kerajaan memeriksa samada nama-nama mereka telah didaftarkan semula atau tidak dan bahawasanya Suruhanjaya Pilihanraya telah enggan membekal ataupun menjualkan Daftar Pengundi kepada parti-parti politik pembangkang bagi menolong orang ramai memeriksa nama-nama mereka di daftar pengundi dengan lebih selesa lagi;
- (v) mengapakah terdapat pablisiti yang kurang di radio, talivisyen, akhbar-akhbar dan surat-surat pampang untuk memberitahu orang ramai mengenai kempen pendaftaran mengundi dan sebab-sebab di atas keengganan Polis Melaka memberikan kebenaran kepada ahli-ahli D.A.P. Melaka membuat pengumuman-pengumuman bergerak

untuk mendesak orang ramai mendaftar nama-nama mereka sebagai pengundi di dalam tempuh pendaftaran; dan

- (vi) adakah Suruhanjaya Pilihanraya akan menjalankan satu lagi kerja pendaftaran pengundi samada di penghujung tahun ini ataupun di awal tahun hadapan untuk memperbaiki kesilapan dan kekurangan yang terdapat dalam kerja-kerja pendaftaran tahun ini.

Perdana Menteri:

- (i) Suruhanjaya Pilihanraya tidak mengeluarkan borang-borang pendaftaran kepada mana-mana parti politik dan tidaklah betul perkara ini pernah dibuat dalam 10 tahun yang lepas. Malahan Suruhanjaya Pilihanraya mendapati lebih daripada 15,000 pengundi telah mendaftar 2 kali atau lebih dengan adanya campur-tangan parti politik yang tertentu dan Suruhanjaya Pilihanraya ada bukti untuk menyatakan bahawa campur-tangan parti politik yang tertentu ini yang menyebabkan daftar pengundi berganda lebih dari 15,000 dalam tahun 1971. Semua Pejabat Pendaftaran di seluruh negara telah diwartakan dan sebanyak 1.2 juta borang pendaftaran telah dikeluarkan.
- (ii) Suruhanjaya Pilihanraya telah memilih 3,752 Penolong Pegawai Pendaftar dan tidak ada masalah berbangkit tentang orang-orang yang ingin mendaftar telah tidak mendapat layanan.
- (iii) Kenyataan ini adalah kenyataan umum. Suruhanjaya Pilihanraya sanggup meneliti jika ada butir-butir yang konkrit untuk menyokong pendapat ini.
- (iv) Orang ramai tidak payah pergi ke pejabat-pejabat Kerajaan memeriksa samada nama-nama mereka didaftarkan semula atau tidak kerana Suruhanjaya Pilihanraya telah mewartakan 3,541 daerah mengundi yang mempamerkan nama-nama mereka yang telah didaftarkan untuk disimak.
- (v) Suruhanjaya Pilihanraya puas hati bahawa cukup pablisiti di radio, talivisyen dan akhbar-akhbar serta

surat-surat pampang untuk memberi-tahu orang ramai mengenai kempen pendaftaran mengundi.

- (vi) Suruhanjaya Pilihanraya akan menim-bangkan untuk menjalani satu lagi pendaftaran pengundi apabila sampai masanya.

Saya suka menegaskan di sini bahawa Suruhanjaya Pilihanraya ada-lah sebuah badan yang bebas dan Kerajaan tidak berhajat hendak campur-tangan dalam segala urusan-nya. Sekiranya Ahli Yang Berhormat ada apa-apa cadangan ataupun teguran bagi memperbaiki urusan pentadbiran Suruhanjaya Pilihanraya, saya rasa pihak Suruhanjaya itu tidak keberatan menimbangkannya, apabila cadangan-cadangan itu diterimanya.

PERKHIDMATAN NEGARA

38. Tuan Hor Cheok Foon minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan mengenakan Perkhidmatan Negara yang wajib ke atas semua rakyat Malaysia supaya mereka dapat menyertai di dalam memper-tahankan negara, jika tidak, kenapa.

Perdana Menteri: Sepertimana saya telah terangkan pada hari Isnin lepas perkara ini sedang dikaji dari segala aspek oleh sebuah Jawatankuasa dan laporannya akan dikemu-kakan kepada Kerajaan pada awal tahun hadapan. Walau bagaimanapun, Kerajaan lebih berminat untuk mengenakan Perkhid-matan Negara kepada golongan-golongan belia, yang menjadi asas perpaduan serta kemajuan Negara ini.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE SOVIET UNION

39. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah kejayaan-kejayaan rundingan yang telah dibuat oleh beliau dengan pemimpin-pemimpin Soviet Union dalam soal perke-cualian negara-negara Asia berdasarkan perisytiharan Kuala Lumpur dan apakah sebabnya beliau tidak meminta Kerajaan Soviet supaya mengiktiraf dasar perkecualian itu.

Perdana Menteri: Tujuan lawatan saya ke Soviet Union adalah untuk mengeratkan lagi tali persahabatan di antara negara kita dan Soviet Union. Saya telah mengambil kesem-patan untuk menerang dan menjelaskan

konsep perkecualian secara am kepada pemimpin-pemimpin Soviet. Sepertimana yang telah saya terangkan dulu, saya tidak meminta persetujuan Kerajaan Soviet ter-hadap konsep pengecualian kita oleh sebab ini adalah perkara untuk negara-negara di dalam Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali yang dicadangkan itu untuk membangkitkan bersama-sama apabila mereka bersedia ber-buat demikian.

NILAI-NILAI KEROHANIAN DALAM USAHA PEMBANGUNAN

40. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana-kah sudah nilai-nilai kerohanian dapat di-terapkan ke dalam usaha-usaha pemban-gunan negara dan apakah rancangan seterusnya yang akan dibuat ke arah itu.

Perdana Menteri: Negara kita sekarang ini mempunyai Rukunegara dan Rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan adalah berpandukan kepada semangat dan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukunegara itu. Matlamat rancangan pembangunan negara bagi mencipta satu masyarakat yang adil adalah selaras dengan semangat yang terkandung dalam Rukunegara. Usaha-usaha pembangunan, seperti gerakan pembaharuan, rancangan latihan bagi kaum belia dan sebagainya telah sedia mengandungi unsur-unsur bagi membentuk rohani. Kerajaan juga sedang memikirkan bagi mengadakan per-khidmatan negara yang bertujuan untuk menanam semangat kesetiaan dan kemegahan terhadap Negara. Dengan ini adalah jelas bahawa usaha-usaha pembangunan negara memang telah sedia mengandungi nilai-nilai kerohanian.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE NEGERI-NEGERI ASING

41. Tuan Su Liang Yu minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang telah dicapai dalam bidang lawatannya ke negeri-negeri asing baru-baru ini dari segi eksport getah, bijih dll. serta penanaman modal asing ke Malaysia.

Perdana Menteri: Saya telah menjawab soalan seakan ini di dalam Dewan ini pada 4hb Disember, apabila menjawab pertanyaan Yang Berhormat Ahli Seremban Timur dan saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

PERJANJIAN DENGAN MALAYSIA

42. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) nama negeri-negeri jiran yang membuat perjanjian dengan Malaysia dalam tahun 1972;
- (b) mana negeri-negeri Komanwel yang mengulangkaji perjanjian-perjanjian dengan Malaysia dalam tahun 1972; dan
- (c) sejauh manakah perkembangan usaha untuk mengadakan pas bersama di sempadan dengan negeri Thai.

Perdana Menteri:

(a) Saya menganggap kalimah "Negeri-negeri jiran" yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dalam pertanyaan ini adalah dimaksudkan kepada Singapura, Filipina, Indonesia dan Thailand. Dalam tahun ini Malaysia telah:

- (i) membuat satu Peraturan Keselamatan di Kawasan-kawasan Sempadan, dengan Indonesia, pada 6hb April di Kuala Lumpur;
 - (ii) mengikut satu Perjanjian mengenai Perkhidmatan Udara, dengan Singapura pada 28hb Ogos di Singapura;
 - (iii) membuat satu Perjanjian Menghadkan Kawasan Perairan Laut, dengan Thailand, pada 6hb September di Bangkok;
 - (iv) bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain (iaitu Indonesia, Singapura dan Thailand) mengikat Perjanjian Semua Pihak untuk kemudahan mencari kapalterbang dalam kecemasan dan menyelamatkan mereka-mereka yang terselamat dalam kemalangan kapalterbang, dengan Filipina pada 14hb April, di Singapura.
- (b) Negara-negara Komanwel yang menyemak semula Perjanjian-perjanjian dengan Malaysia dalam tahun 1972 ialah Sri Langka dan Australia. Dalam tahun ini Malaysia telah:
- (i) mengikat satu Perjanjian dengan Sri Langka untuk menyusun semula Perjanjian Perkhidmatan

Udara bertarikh pada 7hb September, 1969, pada 17hb Mac, di Colombo;

- (ii) membuat satu perjanjian Perkhidmatan Udara yang baharu dengan Australia pada 4hb Oktober di Sydney; Perjanjian ini menggantikan Perjanjian Perkhidmatan Udara yang bertarikh pada 9hb Oktober, 1967.
- (c) Hingga masa ini sebanyak 7 mesyuarat telah diadakan dengan beberapa jabatan dan dua mesyuarat dengan Kedutaan Thai di Kuala Lumpur untuk menyelesaikan butir-butir tertentu seperti "West Malaysia Border Area", "Thailand Border Area", "Border Pass", "Specific Purposes", "Entry" serta "preamble" Deraf tersebut. Usaha bersama sedang dijalankan oleh Jabatan-jabatan berkenaan bagi mengkaji dengan teliti deraf perjanjian yang telah disediakan. Apabila deraf akhir telah disediakan mengandungi apa-apa pindaan yang sewajarnya Kerajaan Thailand akan dihubungi untuk mendapat persetujuan merka.

PENDIRIAN MALAYSIA TERHADAP TAIWAN

43. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan Malaysia mensifatkan Taiwan jadi sebahagian daripada Negeri Cina.

Perdana Menteri: Kerajaan Malaysia berpendapat perkara ini adalah untuk pihak-pihak berkenaan membuat keputusan. Kita sedia menerima apa-apa keputusan secara aman yang mereka mungkin capai.

PERATURAN PERTAHANAN LIMA NEGARA—PENDIRIAN MALAYSIA

44. Tuan Lim Kit Siang bertanya kepada Menteri Luar Negeri adakah menjadi tujuan Kerajaan Malaysia untuk mengundur diri dari Peraturan Pertahanan Lima Negara untuk membuktikan kejujuran Malaysia dalam berkehendakkan perkecualian Asia Tenggara sebelum meminta persetujuan dari kuasa-kuasa besar, dan jika ya, nyatakan bilakah penarikan diri dari Peraturan Pertahanan Lima Negara ini akan berlaku.

Perdana Menteri: Saya tidak fikir soal membuktikan kejujuran kita timbul. Kita telah menunjukkan kejujuran kita dengan tindakan kita dan ini diterima oleh semua negara. Berkenaan Peraturan Pertahanan Lima Negara, sepertimana saya telah terangkan dahulu, kita meramalkan bahawa setelah konsep pengecualian telah diterima oleh semua negara-negara Asia Tenggara, barulah peraturan ini akan dimansuhkan manakala kehendak-kehendak pengecualian dipenuhi.

KENAIKAN PEMBAYARAN PERKHIDMATAN SYEIKH HAJI

45. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan mengapa pembayaran perkhidmatan Syeikh Haji di Mekah tahun ini telah dinaikkan sebanyak 100 rial Saudi. Adakah ini disebabkan oleh adanya kurang persefahaman antara Syeikh-syeikh Haji dengan pihak Tabung Haji.

Perdana Menteri: Pada tahun ini kenaikan bayaran perkhidmatan Syeikh Haji di Mekah tidak dikenakan ke atas Jemaah Haji Malaysia. Cadangan menaikkan bayaran itu bukanlah timbul kerana salah faham di antara Tabung Haji dengan Syeikh-syeikh Haji di Mekah. Ini adalah semata-mata peraturan Kerajaan Arab Saudi. Walau bagaimanapun Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah membuat rayuan melalui Kementerian Luar Negeri kepada Kerajaan Arab Saudi dan hasilnya kenaikan bayaran itu tidak dikenakan pada tahun ini. Kadar pembayaran yang dikenakan sekarang sebanyak 284 rial telah dikuatkuasakan semenjak tahun 1951.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE LUAR NEGERI

46. Tuan Fan Yew Teng minta Perdana Menteri menyatakan bahawa apakah faedah-faedah konkrit dari segi politik, ekonomik, sosial, kebudayaan dan teknik beliau dapat sebagai hasil daripada lawatannya baru-baru ini di Switzerland, Austria, Poland dan Russia.

Perdana Menteri: Saya telah menjawab soalan seakan ini di dalam Dewan ini pada 4hb Disember, apabila menjawab pertanyaan Yang Berhormat Ahli Seremban Timur dan saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE SEBERANG LAUT

47. Tuan Fan Yew Teng minta Perdana Menteri memberikan angka-angka berkenaan jumlah lawatan seberang laut yang dibuat oleh Perdana Menteri sendiri dan juga oleh Menteri-menteri lain di antara Jun 1971 dan Jun 1972, dengan angka-angka berkenaan dengan negeri yang dikunjungi, untuk apa-apa tujuan lawatan itu, tarikh-tarikh lawatan itu, jumlah pegawai yang ikut serta jumlah wang yang dibelanjakan.

Perdana Menteri: Di antara Jun, 1971 dan Jun 1972 saya telah membuat dua lawatan ke luar negeri. Daripada 24hb September, 1971 sehingga 17hb Oktober, 1971 saya telah melawat Amerika Syarikat, khasnya untuk menghadiri Persidangan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan seterusnya ke Kanada dan Jepun untuk mengeratkan lagi perhubungan dan memajukan kerjasama ekonomi di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut. Sejumlah 7 orang pegawai-pegawai Kerajaan telah mengikuti saya dalam lawatan itu. Perbelanjaan adalah \$56,483.40 sen.

Saya telah membuat lawatan ke Burma daripada 16hb sehingga 19hb Februari, 1972, untuk menukar-nukar fikiran dengan pemimpin-pemimpin Burma tentang perkara-perkara kepentingan bersama. Empat orang pegawai mengikuti saya dalam lawatan itu. Jumlah perbelanjaan ialah \$5,476.00 tidak termasuk belanja penerbangan kerana kapal terbang kita sendiri telah digunakan.

Bagi Yang Berhormat Menteri-menteri lain oleh kerana maklumat itu terlampau panjang untuk dibaca dalam Dewan ini, saya akan memberi jawapan itu secara bertulis.

PENTAGON—KONTREK UNIVERSITI MALAYA

48. Tuan Mustapha bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan samada benar atau tidak bahawa Kerajaan telah membenarkan Pejabat Pertahanan Amerika Syarikat ("Pentagon") atau lain-lain badan Kerajaan Amerika Syarikat mengikat Kontrek dengan Universiti Malaya; jika benar, beri butir-butir mengenai kontrek tersebut.

Perdana Menteri: Kerajaan tidak pernah memberi kebenaran kepada Pejabat Pertahanan Amerika Syarikat ("Pentagon") atau lain-lain badan kerajaan Amerika Syarikat mengikat kontrak dengan Universiti Malaya, dan pihak Universiti itu pun tidak pernah berbuat demikian.

PENEMPATAN TENTERA AUSTRALIA DI SINGAPURA

49. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar Perdana Menteri Australia telah menyatakan bahawa kewujudan Australia di kawasan ini adalah untuk mengawal pertelingkahan antara Malaysia dan Singapura dan adakah itu sebenarnya tujuan kewujudan Australia di kawasan ini.

Perdana Menteri: Dalam jawapan saya kepada satu soalan yang serupa, saya telah memaklumkan apa sebenarnya Tuan McMahon telah berkata, pandangan-pandangan kita terhadap kenyataan itu dan penjelasan yang telah diberi oleh Kerajaan Australia. Saya ingin terangkan di sini bahawa penempatan tentera-tentera Australia bukanlah bertujuan menghindar sebarang perselisihan di antara Malaysia dengan Singapura dan sebarang perselisihan hanyalah bagi kedua pihak negara itu menentukan sendiri.

PERBADANAN KERAJAAN PERSEKUTUAN/NEGERI— PENGAMBILAN PEKERJA

50. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan apa usaha dijalankan supaya keadilan dapat dirasakan sama oleh rakyat di peringkat rendah supaya pengambilan pekerja-pekerja di dalam Perbadanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri dibuat dengan tidak memandang parti, keluarga dan sahabat pihak yang berkuasa sahaja.

Orang-orang Taiwan, Tuan Yang di Pertua, datang ke negeri ini, kalau tidak percaya pergi ke Pulau Pinang, tengok kapal-kapal mereka berlabuh. Berapa banyak kapal-kapal perikanan daripada Taiwan, daripada Jepun berlabuh di Pulau Pinang, membawa ikan yang begitu banyak. Nelayan-nelayan kita tengok sahaja, kita asyik-asyik bergaduh fasal pukat Harimau, ikan bilis, ikan julung-julung dan berbagai-bagai jenis ikan yang kecil-kecil sudah habis. Asyik kita bergaduh, itu sahaja. Pendapatan kita tidak sampai seringgat atau setengah-tengahnya dua ringgit dalam sehari.

Saya berharap pihak Kementerian yang bertanggungjawab memikirkan sedalam-dalamnya, samada betul atau tidak mengenai perkara ini. Kalau misainya tidak boleh, cuba satu dahulu, sebuah kapal yang beratnya 300 tan. Sebuah kapal yang beratnya 300 tan atau 400 tan ini boleh belayar jauh, Tuan Yang di Pertua, dan boleh menangkap ikan yang besar-besar, boleh menangkap apa sahaja jenis ikan dan di dalam kapal itu pula boleh mengetin dan memproses ikan.

Dengan ini rakyat kita, nelayan-nelayan yang ada hari ini, Tuan Yang di Pertua, akan dapat kita tinggikan kehidupannya, tetapi kalau hendak cuba dengan bot yang beratnya satu tan, sekarang pula bot yang beratnya 30 tan, dengan typhoon yang kuatnya 100

batu sejam, lintang-pukang bot yang beratnya 30 tan itu. Kalau ada 300 tan, bot yang besar, dapat dia belayar sampai kejauhan, ke lautan dalam. Ini juga dapat meninggikan kehidupan, bukan sahaja nelayan-nelayan daripada negeri Trengganu, tetapi juga nelayan-nelayan samada bumiputra atau tidak, akan dapat mereka meninggikan taraf hidup mereka dan ini adalah harapan saya, bukannya mengkritik, tetapi adalah yang sebenar-benarnya.

Berkenaan dengan perikanan juga, di tepi pantai kita kaya pula dengan kerang. Kerang satu tin besar harganya 50 sen sahaja, Tuan Yang di Pertua. Orang-orang Melayu terutama sekali di pantai Jeram banyak yang mencari kerang di sana. Ada kerang yang berbulu, ada kerang yang tidak berbulu, macam-macam kerang ada. Di sana dijual dengan harga 50 sen satu tin. Apa sebabnya? Oleh kerana industri tidak ada untuk ditinkan. Di Taiwan kerang ini cukup mahal. Kalau kita pergi ke restoran, kalau dia jual kerang kepada kita bermakna kerang itu adalah delicious food, mahal betul harganya. Cuba kita buat industri kerang dengan membuat penyelidikan yang teliti.

Kementerian yang bertanggungjawab mestilah menyelidiki perkara ini untuk meninggikan taraf hidup nelayan kita yang ada di tepi laut sana.

Sesudah itu pula, saya sentuh berkenaan dengan kepah. Remis di pantai Morib dan juga di tempat-tempat yang lain terdapat banyak remis. Dalam pasir dikorek, didapati banyak remis-remis, tetapi ini tidak dibuat apa-apa cakap sahaja hendak meninggikan taraf hidup. Yang kecil-kecil inilah yang orang kampung berkehendakkan untuk dapat kita meninggikan taraf hidup mereka. Begitu juga ketam. Pergilah ke Pelabuhan Kelang. Ketam yang berkaki besar itu didapati banyak di Port Klang dan juga di lain-lain tempat. Cuba ditinkan ketam-ketam ini. Di luar negeri mahal harganya, Tuan Yang di Pertua. Dengan adanya rancangan seperti ini maka nelayan-nelayan kita tentu akan senang, sebab ketam bertin, kepah, remis, kerang, ikan, semuanya boleh jadi duit. Ini patutlah diselidiki oleh pihak yang bertanggungjawab.

Selain daripada itu, saya masuk pula kepada pertanian, iaitu sawah. Sawah pada hari ini kita telah membelanjakan beratus-ratus juta ringgit, terutama sekali di River Muda Project, Kedah, saluran-saluran air, empangan-empangan besar, bertahun-tahun untuk menyudahkannya, tetapi tanah sawah tidak dapat dibesarkan lagi, bukan seperti tanah getah, oleh kerana tanah getah di negeri kita banyak hutan, banyak tanah yang kurang daripada 18 kaki tingginya yang boleh kita tanamkan dengan getah, tetapi di sawah berkehendakkan air, maka terhadlah tanah-tanah sawah ini. Ada orang-orang yang mempunyai tanah sawah seluas setengah ekar, satu ekar atau dua ekar, tetapi ada Menteri yang mengatakan orang-orang ini hendaklah masuk Rancangan Luar Bandar. Mereka-mereka ini tak dapat dipilih di dalam FELDA kerana yang menanti pun berpuluh-puluh ribu yang tidak ada bertanah langsung. Dengan sebab itu, kita juga mesti memikirkan bagaimana untuk meninggikan taraf hidup petani-petani yang mempunyai dua ekar tanah.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di Pertua, patut kita mengadakan collective farming. Bagaimana hendak dijalankan, bukanlah seperti di Russia, tetapi collective farming ala-Malaysia, yang boleh meninggikan taraf hidup orang-orang kampung yang mereka tidak payah lagi hendak pergi ke sawah. Sepuluh orang boleh mengerjakan dua ribu ekar dengan trektor dan sebagainya. Yang lain itu boleh pergi membuat kerja-kerja yang lain. Kalau dia dapat satu tahun daripada tanah yang dua ekar ini \$1,000 dia boleh mendapat kerja di tempat lain yang mendatangkan pendapatan sebanyak \$2,000, tentu sudah banyak pendapatannya. Ini adalah pendapat saya dan saya berharap supaya disiasat atas perkara ini dan mudah-mudahan akan mendatangkan faedah kepada rakyat jelata.

Sekarang saya menyentuh berkenaan dengan bijih timah pula. Kita ambil bijih timah daripada tanah. Sesudah itu kita jadikan dia bermacam-macam jenis benda. Semuanya kita jualkan ke luar negeri. Itu pun mesti disiasat supaya kita akan mengeluarkan barang daripada bijih ini. Bukan sahaja kita hantar ke luar negeri begitu sahaja, tetapi mestilah disiasat bagaimana hendak memproses bijih-bijih ini.

Berkenaan dengan getah ini juga, lagi sekali saya hendak menyatakan iaitu orang-orang di negeri Jepun membuat synthetic rubber baharu-baharu ini. Apa sebabnya Jepun sudah tahu membuat bahan-bahan mentah yang banyak datang daripada negeri kita dengan murah, tetapi Jepun buat juga seperti kilang-kilang getah tiruan. Orang-orang Jepun ini, saya pun hairan juga, Tuan Yang di Pertua, oleh kerana semasa Perang Dunia Yang Kedua dahulu, semasa saya kecil lagi dikatakan dalam bahasa Jepun: Dai toa wa, noh tameh. Maknanya Asia untuk orang Asia. Peperangan itu untuk orang Asia, untuk membebaskan orang Asia, tetapi yang sebenarnya itu adalah propaganda Jepun. Yang sebenarnya Asia ini untuk orang Jepun. Begitu juga berkenaan dengan iktisad negeri Jepun yang mengenai dengan joint venture di negeri-negeri kita ini. Tujuan dia mengadakan joint venture bukan apa; bukan untuk meninggikan taraf hidup orang-orang di Malaysia atau di negeri-negeri Asia, tetapi untuk mengkayakan lagi orang-orang di negeri Jepun. Itu yang saya takuti. Kalau orang-orang Jepun betul-betul jujur, setengah daripada synthetic rubber factory ini mestilah ditutupnya, dibelinya banyak-banyak getah daripada Malaysia ini. Kalau tidak, adalah macam propaganda dahulu, iaitu Asia untuk Jepun, bukannya Asia untuk orang-orang di Asia ini.

Selain daripada itu berkenaan dengan pertahanan (defence). Pertahanan negeri kita ini mestilah kuat, tidaklah boleh kita memikirkan oleh kerana kita ada perjanjian pertahanan dengan Australia, Ingeris, Singapura dan lain-lain lagi, tetapi kita mestilah berdiri di atas kaki kita sendiri dan seboleh-bolehnya kita banyakkkan senjata, kita kuatkan pertahanan negeri kita ini, sebab musuh yang ditakuti bukan dari luar negeri, bukannya daripada Komunis Cina, bukan daripada lain-lain tempat, tetapi musuh yang ada di dalam negeri ini sendiri, oleh kerana sempadan Malaysia dengan Thai dan peperangan komunis di sempadan Sarawak dengan Indonesia. Jadi musuh-musuh di dalam selimut inilah yang kita takuti, sebab kita tak tahu bila masanya meletus lebih besar lagi. Pertahanan ini mestilah kita kuatkan dan juga apabila pertahanan dapat kita kuatkan, kerana kita berkehendakkan keamanan (peace), kita mestilah mempunyai kawalan-kawalan yang cekap, kawalan-kawalan yang cukup, baharulah

foreign investors datang ke negeri kita. Mereka percaya bahawa Malaysia ini sesiapa pun tak dapat ganggu oleh kerana pertahanannya kuat, dan negerinya tak bergoyang. Dengan sebab itu, orang-orang daripada luar negeri datang menanam modal lagi di negeri ini, tetapi jikalau ada peperangan seperti di Vietnam, siapa yang hendak menanam modal, oleh kerana kalau ditanam modal pun di negeri itu harta-harta yang ditanamnya di dalam negeri itu akan habis begitu sahaja.

Dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan juga menyatakan pedagang-pedagang kita orang Malaysia mestilah keluar negeri, pergi ke New York, pergi ke London, pergi ke lain-lain tempat, cari perhubungan (contact) pasaran-pasaran di luar negeri. Itu memang satu perkataan yang betul-betul memberi satu galakan kepada orang-orang Malaysia, terutama sekali bumiputra pergi keluar negeri sebab kalau bumiputra, baik orang Melayu atau yang lain berpeluk tubuh di negeri ini untuk menantikan orang hendak berjumpa kita, takkan dapat. Jadi terpaksa ke luar negeri dan bertemu mereka, maka baharulah kita mendapat perhubungan di luar negeri.

Kita ada Commercial Attache di luar-luar negeri. Commercial Attache kita di luar negeri ini memang kita tidak mendapat peluang apa-apa daripada dia. Bagi pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mestilah tengokkan betul-betul apa yang sebenarnya kerja Commercial Attache ini, sebab kalau dapat dia menjualkan barang-barang kita dengan begitu banyak, memberi propaganda berkenaan barang-barang kita di luar negeri ataupun memberi perhubungan kepada bumiputra ataupun ke negeri ini, tetapi sampai hari ini kita tak dapat apa-apa pun butir-butirnya berkenaan Commercial Attache kita di luar negeri ini. Jadi betullah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa hendaklah kita pergi ke luar negeri terutama digalakkan kepada bumiputra-bumiputra untuk masuk dalam dunia perdagangan dan perusahaan, maka terpaksalah mereka ini ke luar negeri untuk berjumpa dan mengambil peluang-peluang yang dikehendaki oleh orang lain.

Berkenaan dengan galakan-galakan supaya orang-orang asing menanam modal dalam negeri kita ini dan apabila ditanam modal di negeri kita ini, kita galakkan mereka juga

masuk ke luar-luar bandar untuk mendirikan kilang-kilang. Saya telah berkata berkali-kali dan banyak juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah berkata cukup susah untuk mendirikan kilang di luar bandar menantikannya sampai dua tahun lamanya, oleh sebab tukar syarat (conversion). Jadi payah sangatlah di antara State Government dengan Federal Government ini hendak berhubung. Federal Government menggalakkan foreign investors menanam modal, datanglah ke Malaysia, tanam modal di sini dan tanam modal pula di luar bandar untuk mendirikan kilang-kilang, tetapi tanah (land) adalah kepunyaan State atau Negeri. Pada waktu pemerintahan Jepun dahulu ada dikatakan: Awak besarkah atau saya besar. Kalau seorang keptan Jepun misalnya memerintah Kelang, kalau keptan Kuala Lumpur pergi ke Kelang, dia kata tak boleh masuk, saya besar. Jadi dengan sebab itu, saya haraplah Kementerian yang bertanggungjawab dapat menjalankan perkara ini supaya senang pihak-pihak yang bertanggungjawab walau sesiapa juga yang hendak menanam modal pergi ke kampung-kampung atau ke luar-luar bandar hendak mendirikan kilang seluas 10 ekar, tempat itu ada air, ada letrik ataupun tak ada air, tak ada letrik pun tak menjadi apa, oleh kerana ada generatornya sendiri, dia jalankan perusahaan ini, maka 6 bulan lagi apabila sudah diluluskan oleh Exco, apa bayaran yang dikehendaki, maka dibayar oleh pengusaha-pengusaha itu tadi. Kalau dapat dibuat begitu, maka akan lebih banyak lagi perusahaan-perusahaan akan pergi ke luar-luar bandar.

Berkenaan dengan unemployment ataupun tak ada pekerjaan orang-orang kampung. Dikatakan 6% sahaja, tetapi pada pendapat saya barangkali yang didaftarkan 6% tetapi yang sebenar-benarnya bukan 6%—16% sebab banyaknya yang tidak didaftarkan di kampung-kampung. Ini adalah menjadi satu masalah kepada orang-orang kita di Malaysia ini, kerana tak ada pekerjaan. Misalnya Wakil Rakyat di sebelah pagi penuh orang datang hendak minta rekomen. Hendak rekomen apa? Hendak kerja dan yang datang bukannya satu orang, dua orang, tetapi sampai 100 orang datang pada satu pagi. Kita ini tulis jugalah rekomen, tetapi kerjanya tidak ada. Jadi ini juga satu perkara yang menyulitkan fikiran Wakil Rakyat. Wakil Rakyat rekomenlah, tulis sahaja mengatakan budak ini pandai, budak ini

begitu begini serta kelulusannya, tetapi satu kerja pun tak dapat. Itu sebabnya unemployment ini sungguhpun dikatakan 6% di luar-luar bandar tak bekerja, tetapi yang sebenarnya adalah 16%. Jadi Kerajaan mestilah menengokkan perkara unemployment ini dengan betul-betul sekali, jangan mengatakan orang ini tak ada mempunyai pekerjaan dan tak lama lagi ada pekerjaan. Saya harap supaya tanah-tanah yang berlebihan itu dibuka dan orang-orang ini bolehlah dihantar ke luar-luar bandar untuk memasuki rancangan FELDA ini.

Berkenaan dengan FELDA ini, saya lagi sekali hendak bercakap, Tuan Yang di Pertua. Oleh kerana ramai sangat orang yang datang berjumpa saya, barangkali pada Wakil-wakil Rakyat yang lain pun begitu juga bukan seorang sahaja yang menanyakan perkara ini, ada yang sudah menunggu dua tahun tak ada juga dapat tanah. Dia telah ditemu-duga dan dapat satu surat dua tahun dahulu yang mengatakan dia telah dipilih dan ini suratnya. Dia sudah jual kambingnya, jual ayam, jual basikal dan pondok yang ditumpangi di tanah si Ahmad. Jadi beginilah, tunggu satu bulan tak ada, dua bulan tak ada dan 5 bulan pun tak ada juga. Katanya marilah berjumpa dengan Pengerusi FELDA, kita kata tak boleh, dia kata nanti tak boleh dipangkahnya kita lagi, kita hendak undi dia. Jadi terpaksa kita pergi bersama-sama berjumpa dengan Pengerusi FELDA. Kita jumpa Pengerusi FELDA tetapi beginilah halnya, kita bersabarlah tunggu 6 bulan lagi kerana kita sekarang sedang menengok-menengokkan lagi. Lagi 6 bulan semua ini akan masuk dan permohonan lain semua sudah dibekukan. Kita nasihatkan dengan orang-orang ini mengatakan saudara bersabarlah dan tiap-tiap orang bersabar. Orang Islam bersabar ini elok, sebab orang Islam mesti bersabar selalu, terutama sekali orang Melayu. Bila kita sudah berkata begitu, maka orang Melayu inipun bersabarlah, 6 bulan bersabar pun tak ada juga, tiba-tiba datang surat mengatakan tak dapat pula. Jadi bagaimana kerja ini. Saya pun berjumpa sekali lagi mengatakan begini, bukan salah FELDA—tidak. Tanah sudah dibuka, tetapi apa yang salah? Yang salahnya tidak dapat membuat jalan dalam Rancangan FELDA iaitu tidak dapat buat rumah lagi. Air tidak masuk lagi. Sekolah belum berdiri lagi, dan bermacam-macam lain-lain perkara iaitu pehak Kementerian

Kerja Raya, pihak J.K.R. tidak dapat membuat apa-apa. Duit ada banyak, kemudian pinjam lagi. Dalam Dewan ini kita telah meluluskan, rakyat menanti-nanti bertahun-tahun.

Sekarang, Tuan Yang di Pertua, ada 7,000 orang yang menanti. Kalau 7,000 orang menanti, saya congak-congak lagi empat tahun baharulah dapat orang itu masuk ke dalam rancangan. Kalau menanam kelapa sawit, tiga tahun sudah berbuah, sudah berhasil, orang ini tertunggu-tunggu juga. Kalau orang ini berumur 35 tahun, katakanlah kesihatannya baik dekat umurnya 40 tahun, baharulah dia dapat masuk. Jadi bagaimana perkara ini? Saya haraplah kepada pihak yang berkenaan jikalau misalnya tidak boleh dibuat oleh J.K.R. oleh kerana kakitangan tidak ada, ambillah kakitangan dengan lebih banyak lagi. Kalau tidak boleh begitu, baharu panggil kontraktor-kontraktor, jalankan kerja, sebab dalam tempoh lima tahun ini masa adalah tidak panjang. Berapa bulan sahaja? $12 \times 5 = 60$ bulan. Kira pula jam, berapa jam? Kira pula hari, berapa hari? Jadi lima tahun ini tidak lama betul. Dalam tempoh lima tahun inilah untuk meninggikan taraf hidup orang-orang kampung yang tidak ada tanah ataupun siapa sahaja yang tidak ada tanah. Orang Melayu tidak ada tanah, beri dia tanah. Orang Cina tidak ada tanah, beri dia tanah. Orang India tidak ada tanah, beri dia tanah supaya dapat kita katakan suatu Masyarakat Adil. Saya fikir ini adalah baik untuk semua orang.

Kemudian daripada itu, saya juga nyatakan kepada Dewan ini bahawa di kawasan saya iaitu di kawasan Kuala Selangor dan Tanjong Karang adalah satu tempat, satu kawasan penuh dengan padi, penuh dengan sawah dan termasyor di seluruh tanahair kita ini. Sudah 30 tahun, Tuan Yang di Pertua, orang-orang ini bersawah, tetapi sayang sekali. Apa sayangnya? Geran pun tidak ada. TOL pun tidak ada setengah-setengahnya, bagaimana hendak meninggikan taraf hidup orang-orang ini, oleh kerana kalau hendak meminjam duit, hendak ada cagaran. TOL hendak dicagarkan? Tanah tak bergerak boleh dicagarkan? Inilah gayanya, inilah caranya untuk meninggikan taraf hidup pesawah-pesawah di Tanjong Karang.

Saya berharap bagi pehak-pehak yang bertanggungjawab, atau Kementerian yang bertanggungjawab dapat menengukkan atas perkara ini. Katanya fasal apa tidak dapat? Belum lagi. Sebabnya? Belum diukur.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Tanah adalah hal Kerajaan Negeri. Tanah tidakkah dalam kuasa Negeri, bukan kuasa Kerajaan Pusat?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, itulah jawabnya oleh kerana Pejabat Ukur ini bukan tanggungjawab Negeri, Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab, Negeri tidak ada mempunyai Pejabat Ukur iaitu di Pusatlah yang menguruskannya. Jadi dengan sebab itu saya katakan coordination mesti ada di antara State dengan Federal, kalau tidak begitu, rakyatlah yang akan ternanti-nanti. Ini saya mintalah, Tuan Yang di Pertua, pihak yang bertanggungjawab iaitu baik Federal atau State bekerjasama untuk menjayakan Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini. Ini bukan saya beletir untuk diri saya, tetapi beletir dan bercakap untuk faedah rakyat. Dengan sebab itulah saya bercakap pada hari ini.

Berkenaan dengan buah-buahan. Saya memang bersetuju betul dinaikkan harga buah-buahan daripada luar negeri. Apa yang dikatakan oleh pihak Pembangkang tadi mengatakan buah-buahan sudah mahal. Dahulu kita kata buah-buahan di Malaysia ini tidak laku? Pihak ini juga mengatakan apa fasal tidak laku? Kita bekerja kuat, peladang-peladang kita bekerja kuat, begitu dan begini, tetapi hari ini pula mengatakan buah-buahan sudah mahal. Buah apa? Buah dari Englandkah? Buah mana? Buah dari Australia? Buah dari Jepun? Tetapi buah tembikai kita, buah papaya kita, buah nangka kita, buah pisang kita, buah rambutan kita tak laku. Jadi kita salahkan Menteri kita. Kita adakan kempen makanlah buah-buahan kita, tetapi makan buah-buahan kita, orang tidak beli, bagaimana? Itu sebabnya bagus betul, tetapi Menteri Kewangan silap sedikit. Kalau saya jadi Menteri Kewangan memang 500% naiknya. (*Ketawa*). Jadi memang betullah berkenaan dengan ini. Untuk menggalakkan petani-petani kita menanam banyak lagi buah-buahan di tanahair kita ini.

Berkenaan dengan beras pula, dikatakan beras di Singapura ini murah. Beras di Singapura memanglah beras yang murah, oleh kerana competition daripada luar negeri.

Siam hendak menjual beras, Rangoon juga hendak menjual berasnya, Kominis Cina juga menjual berasnya, semua hendak menjual beras. Dengan sebab itu, berlonggoklah di Singapura. Tentulah competition di Singapura. Tetapi cuba buat di sini, tentu pesawah kita bawa parang nanti, kalau tidak laku berasnya. Senang bercakap, tetapi berapa banyak pesawah-pesawah kita, jikalau misalnya beras dari luar negeri ini murah. Barangkali tidak ada lagi \$16 sepikul. Kena pula \$10 atau \$8 sepikul. Kerajaan Perikatan akan tumbang nanti. Itulah sebabnya kita tidak boleh buat macam Singapura. Singapura boleh dirikan 80 tingkat rumah, tetapi satu hari esok Singapura akan karam kerana beratnya rumah-rumah itu, pulau Singapura akan jatuh ke bawah tanah. Kita tidak boleh ikut macam Singapura.

Selain daripada itu, pihak Pembangkang juga ada mengatakan kita adakan National Front. National Front ini diadakan oleh kerana kita hendak mengadakan election, snap election tidak lama lagi. Jadi buat apakah hendakkan snap election? Kalau saya menjadi Ketua Parti, saya tidak hendak mengadakan snap election, kita jadikan National Front, sudah kuat. Kita drag on elections sampai tahun 1978, 1980, 2400, pedulikan. Jadi itu tidaklah menjadi apa hal, oleh kerana pihak Kerajaan Perikatan dari sehari kesehari telah bertambah kuat kerana banyak ahli yang masuk. Bukanlah kerana saya orang Perikatan, tidak. Tetapi saya dapati banyak orang sudah masuk menjadi ahli tiap-tiap hari. Saya baca surat-khabar, saya dapati banyak yang masuk menjadi Ahli dalam Perikatan. Jadi itu menandakan kuat. Kalau misal kata tidak kuat, dia keluar daripada Perikatan. Tetapi oleh kerana masuknya terlalu banyak maka itu menandakan kuat Perikatan. Itu cara saya berfikir.

Jikalau musuh kita iaitu kominis dalam hutan itu hendak dibasmikan, kita juga mesti jadi macam mereka. Kalau Pembangkang mengatakan macam mana kita hendak buat, oleh kerana kita belajar macam berperang depan sama depan. Kita juga mesti belajar, orang kita mesti masuk dalam hutan, duduk dalam hutan tiga empat bulan. Duduk di dalam hutan itu selama lima bulan macam

komunis. Apa komunis buat, kita pun buat dalam hutan itu. Saya ingat tidak lama komunis Sarawak akan habis. Ini caranya komunis buat, kita pun buat sama macam dia juga. Ini cuma syor saya, jikalau misalnya mereka berbuat begitu, kita pun hendaklah buat begitu juga.

Ada Ahli Yang Berhormat mengatakan jangankan bercakap mengenai peristiwa Mei 13, oleh kerana pihak Pembangkang apabila kita bercakap orang-orang Perikatan mengatakan, kalau tak undi nanti Mei 13 akan berlaku sekali lagi. Mei 13 bukan kita yang buat? Kita tak mahu Mei 13. Kita benci dengan Mei 13. Siapa yang hendak Mei 13 ini? Memang kita tak mahu Mei 13 ini, tetapi Mei 13 ini boleh disingkirkan. Negeri kita ini banyak orang Melayu yang miskin untuk menjadi hamba sesama-lamanya. Yang lain kaya-raya misalnya, jadi kita hendakkan satu Masyarakat Adil. Dengan sebab itu Kerajaan pada hari sedang membuat satu rancangan bagi menyusun satu Masyarakat Adil.

Berkenaan dengan tanah, kalau beri kepada orang Melayu, hendaklah diberi juga kepada orang-orang lain supaya dapat kita mengadakan suatu Masyarakat Adil. Kita juga berkehendakkan orang Melayu, orang Cina, orang India duduk dalam negeri ini macam saudara betul-betul. Bukannya mengatakan saya ini orang India, I am proud of Gandhi misalnya. Orang Cina pula selalu mengatakan berkenaan Red China, Mao atau Chiang Kai Shek. Begitulah keadaannya orang-orang di sini. Sebagai orang Melayu dan saya juga bumiputra, baik bumiputra di Sarawak mahu pun bumiputra di Sabah juga memikirkan apa sebabnya orang-orang lain selalu sebut Mao, manakala orang-orang India sekejap-kejap menyebut Indira Gandhi misalnya. Jadi kita naik benci, apa fasal dia pro kepada mereka itu sedangkan dia menjadi rakyat negeri ini, loyal to the country, loyal to the Yang di Pertuan Agung, tetapi sebaliknya mereka asyik dengan Mao dan asyik dengan Indira. Kalau dia datang bersambut secara besar-besaran. Ini yang kita tak mahu. Kalau loyal, loyal betul-betul. Mati, mati untuk negeri ini. Ini yang kita hendakkan. Kalau negeri ini jadi padang pasir pun, padang pasirilah, loyal kepada negeri ini, taat setia kepada negeri ini. Kalau tak makan pun, taat setia kepada negeri ini. Ikat perut. Itu yang kita hendak. Sekian, terima kasih.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, saya bangun bercakap tentang usul yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan dan saya akan bercakap dalam bahasa Malaysia dan mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya hendak menyokong atau bersetuju apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Beliau mengatakan bahawa Rancangan Malaysia Yang Kedua adalah untuk semua rakyat di negara Malaysia ini tanpa mengira keturunan rakyat.

Rancangan itu berfaedah kepada orang-orang Melayu, Cina, mahupun India. Itu kalau sekiranya sebenar-benarnya diimplimentasikan, maka negeri ini boleh menjadi maju dan makmur.

Tuan Yang di Pertua, pada 18 haribulan Januari, 1968 Menteri Kewangan at the end of his Budget speech said, and I quote: "It is my view that we have reached, generally speaking, our optimum level of taxation". He went on to assure the House and the country at large that, and I quote again, "We can see light at the end of the tunnel".

The Minister was speaking after he had unveiled the development tax and the country at large must have heaved a sigh of relief at the thought that as long as the Member for Melaka Tengah remained as Minister of Finance there would be no new major tax imposition.

The Minister was then introducing a Budget when the general election was expected to be around the corner. Alas, since, then the same Minister has continued to heap on one indirect tax after another on the people of this country.

As for seeing the light at the end of the tunnel, it is now at best a flickering light, the tunnel seems to be an unending one, and if we are not careful the flickering light may well go out altogether leaving us all in darkness. The reason why this is so is that the real issues in this country are not being tackled vigorously and properly by the Ministerial Benches.

Next year's Budget has been described by the "haves" and tycoons as a mild and happy budget but it has not brought hope and relief to the "have-nots" of this country.

When we debated the sales tax last year, I warned this House that once the Bill was passed the Minister had a very potent weapon in his hands. He could vary the tax in order to raise additional revenue and this is exactly what he has done this year. This year he has varied the sales tax on luxury goods from 5% to 10% and this is expected to yield \$21.2 million. In this instance, I for one support this move, but what if he broadens the tax base and raises the sales tax not on luxury goods—nay, raises this tax on essential items? And even if the present Minister does not do so, what guarantee is there that a future Minister of Finance will not do so?

Mr Speaker, Sir, in this House time and again I have stated that if the Alliance Government really wants to restructure our society and bring about a prosperous and just society, then it has to and must increase direct taxation. This is the most equitable form of taxation for it will only touch the pockets of those who are able to pay. But the poor people of this country must remember that we are living under a capitalistic system. The capitalists in this country keep the Alliance Party in power and, in turn, the Alliance Government does not touch their pockets too much so that the big companies bring rich dividends to the Alliance tycoons. On the other hand, the present Minister of Finance has heaped one indirect tax after another on the poor rakyat of this country, especially for the people living in the rural areas, until the burden is almost unbearable to them. A glance at the revenue for direct and indirect taxes will show.

Mr Speaker, Sir, I quote from Table 7-3 of the Economic Report 1972-1973.

	<i>Direct Taxes</i>	<i>Indirect Taxes</i>
1970 ...	\$766 million ...	\$1,240 million
1971 ...	\$780 million ...	\$1,307 million
1972 ...	\$822 million ...	\$1,482 million

And for next year, Mr Speaker, Sir, the direct taxes are expected to gather \$843 million and the indirect taxes are expected to gather \$1,626 million. It will be seen that in the four years that I have quoted the revenue from indirect taxes is 70% more than that levied from direct taxes and next year it will almost double the revenue from direct taxes.

Another disturbing feature is that the income from direct taxation has stagnated, e.g. it was \$766 million in 1970 and it will be \$843 million in 1973 an increase of \$77 million in a four year period. On the other hand, the revenue from indirect taxation has increased by leaps and bounds. It was \$1,240 million in 1970 and next year it is expected to reach \$1,626 million, an increase of \$386 million over a four-year period.

Mr Speaker, Sir, using the data in the Economic Report, let me now show how direct taxation as a proportion of total revenue has not been increasing as fast as one would hope it to.

In 1965 30% of total tax revenue came from direct taxes. By 1968, the percentage was 34%. In the year 1973, it will still be 34%. It will be abundantly clear that the Government which is publicly committed to restructuring society and achieving redistribution, pays only lip service to these high ideals, for its actions are in the opposite direction. The effect of the Government taxes is not to redistribute but to make the rich richer and poor poorer.

Thus the "have-nots" in this country can see clearly that while they have to bear the brunt of the taxation burden, the "haves" have been let off very lightly and they continue to harvest their high dividends and fat directors' pay. On the other hand, the "have-nots" have to eke out a living or have to go without jobs for years on end.

I call on the Minister of Finance to stop this exploitation of the "have-nots" of this country. He should ease their burden by taking off some of the indirect taxes that hit them badly and increase both company and individual income taxes in the higher brackets. The "haves" in this country can afford to pay such taxes without batting an eyelid and they can still continue to have their whiskies in the Royal Selangor Golf Club or in their private messes.

Mr Speaker, Sir, in the past the Minister of Finance has prided himself that our GNP growth rate is one of the best in Asia. In 1971 it was 4.8% and in 1972 it is expected to be 5.8%.

Let me examine this in greater detail. It is customary to calculate growth rates in constant price terms. However the Minister of Finance has done a sleight of hand and

has given this House and the Nation figures which are in current prices. This would not make too much differences if price increase had been of a negligible magnitude as it has been in the past few years. In view of the Minister's own admission that domestic prices increased by some 2.5% while import prices increased by a much higher percentage, the current price GNP figures that he has quoted are meaningless and, to say the least, may mislead this House. Let me show what this is all about by taking the Minister's own figures. If account is taken of price increases at a minimum of 2.5% and the population growth of 2.8%, the rate of growth of GNP of 5.8% represents only a 0.5% rate of increase in real terms *per capita*. This means that the real *per capita* income in constant dollar terms and the real wellbeing of the people of this country is not very much improved.

I venture to say that the GNP predicted for next year of 8% to 9%, even if it is achieved, will not mean increased prosperity to the people of this country. The price hikes both internally and externally will wipe off whatever gains that we may make in our GNP. So much for the bright outlook that the Minister seeks to paint for the people of this country.

Mr Speaker, Sir, the Minister takes pride in the more positive role of the public sector and said that the public sector proved to be the principal stimulus to the economy in the last two years. Let us take a closer look at the public fixed investment figures for 1971 and 1972. These are as follows:

1971	\$ 856 million
1972	\$1,200 million

The 1972 figure includes \$112 million for M.I.S.C. purchases of ships, \$133 million for aircraft purchases by MAS and \$17 million for the transfer of 27 Fokker Friendship aircraft to Kuala Lumpur. These total \$262 million. If from \$1,200 million you take away \$262 million, you are left with \$938 million. If one allows for deflation of 5% of imported inflation and rising construction cost, the actual public fixed investment is \$938 million minus \$46 million, giving the final figure of \$892 million. This figure of \$892 million is only marginally higher than the 1971 figure of \$856 million. So much for the growth that is supposed to have taken place in public sector investment.

Let us look at the private fixed investment. When we examine the figures of private fixed investment for the private sector, the picture is even more dismal. In 1971 this figure was \$1,233 million. In 1972 it is expected to be \$1,270 million. Allowing for a deflation of 5% on imported inflation and rising construction cost, the 1972 figure is \$1,270 million minus \$63 million, giving the figure of \$1,207 million. This figure is even lower than the 1971 figure of \$1,233 million. There is no doubt that the private sector is in a sorry state of affairs. I hope our Ministers will not think aloud or open their mouths too much. We often hear them say with pride that investors are flocking to Malaysia and thousands of jobs will be created in justification of long jaunts overseas at the taxpayers' expenses. This can create a very dangerous state of affairs. If these great expectations are not fulfilled, then there will be hell to pay. The Ministers of this Government appear to be lulling themselves into a state of complacency. They appear to be living in a fool's paradise if they really believe their own propaganda.

Mr Speaker, Sir, the growth in public consumption of 14% in 1972 and, by the Minister's own admission, by about 50% in the last 3 years represents a serious state of affairs. This is where the wasteful excesses of his Ministerial colleagues are reflected. The writing is on the wall. And in any economy in which public consumption grows at a faster rate than G.N.P., then we are in for serious trouble. While the Minister of Finance appears to be alive to this, it would appear that he is unable to apply the brakes on his spend-thrift colleagues in the Cabinet.

Mr Speaker, Sir, the Minister also takes pride in the fact that development expenditure has risen from \$685 million in 1970 to \$1,070 million in 1971, \$1,100 million in 1972 and in 1973 we are allocating \$1,487 million of which amount we are expected to spend \$1,125. This big jump in development expenditure is due to the big cheques that are being made out for corporations like PERNAS, UDA, SEDC, LPN, MARA and State Government, etc. In 1971 it was \$331 million, in 1972 it is expected to be \$350 million and in 1973 it is expected to be \$375 million.

Writing out big cheques is not exactly the best way of seeing that development projects

are being carried out. Thus we saw how large sums of money given to the Housing Trust was kept in commercial banks instead of being used to build low-cost houses.

Again, how much of this money is being used to buy Mercedes Benz and expensive furniture and carpets for directors and other high officials? Can these extravagant expenditures be expected to generate economic growth?

A good example of this can be seen in the sorry state of some FELDA settlers. Because in the early stages FELDA settlers were all encouraged to plant rubber, today with the low price of rubber these FELDA settlers have found it very difficult to repay their loans. It is no secret that FELDA has asked the Treasury to write-off the loans made to the settlers but the Treasury has only agreed to a moratorium on the repayment of these loans. Thus, it will be seen that writing large cheques and spending large sums of money *per se* does not mean that there will be economic growth or that the standard of living of the rural people is raised to an appreciable extent.

Mr Speaker, Sir, statutory bodies are being created one almost a month. Here, I call on the Minister of Finance to ensure that all these statutory bodies who receive tax payers money running into millions should have their accounts audited annually, and they should present annual reports and these should be tabled in this House. The Minister should see to it that tax payers' money should not be thrown down the drain. There are many countries in Asia where statutory bodies not only do not make any money at all but are an absolute waste of funds. We must see that this does not happen in this country.

One of the reasons why the private sector has stagnated for the last two years is a loss of credibility in our New Economic Policy by the private sector. Let me explain. We know that whenever there is a new venture that goes public a proportion of the shares are reserved for bumiputras, and rightly so, Mr Speaker, Sir. But the snag is that the shares that are reserved for bumiputras are sometimes not taken up so that when the company is in need of capital it is unable to raise it, thus making it difficult to be viable. I gather that this proportion of shares that

are reserved for bumiputras that are not taken up amounts to as high as \$80 million. This is a serious state of affairs, and unless rectified will naturally result in a loss of credibility in the New Economic Policy by the private sector.

One other factor that affects the credibility of the NEP has to do with the SEDCs, i.e., State Economic Development Corporations. Initially, some SEDCs proposed to go into joint venture with private investors. The latter does all the preliminary work including feasibility studies, etc. The SEDC examines the plans etc., and then tells the investor that it is unable to go on with the joint venture or that it is not interested in it. Meanwhile, the SEDC has made Xerox copies of the plans and after a lapse of time the SEDC goes alone in this venture. This naturally infuriates the investors and who can blame them if they lose faith in the NEP? Hence, I call on the Government to put a stop to this sharp practice, which if allowed to continue will affect the performance in the private sector. It is this loss of credibility that is causing the private investment to stagnate. If this state of affairs is allowed to continue, then all I can say is that we shall not attain the growth targets in the Second Malaysia Plan. This will mean that there will be little redistribution. And unless the private sector surges forward, I am afraid that instead of bringing prosperity to the people of this country, it may well condemn them to sharing poverty one with another.

Mr Speaker, Sir, for years we on this side of the House have told the Minister of Finance that the cost of living has gone up much higher than he would have us believe and that the purchasing value of the dollar is getting smaller and smaller. The Minister has stubbornly maintained that this was not so. While retail price in this country has not risen so fast and as high as some of our neighbours, there is no doubt that we have caught the disease as I shall presently show.

Mr Speaker, Sir allow me to quote the Quarterly Consumer Price Index in West Malaysia found on page 118 of the Economic Report of 1972-1973. This is the total price.

		Points	
1971	2nd Quarter	102.0	
1972	2nd Quarter	105.5	an increase of 3.5 points
1971	3rd Quarter	102.0	
1972	3rd Quarter	104.7	an increase of 2.7 points

Food

1971	2nd Quarter	99.0	
1972	2nd Quarter	102.0	an increase of 3 points
1971	3rd Quarter	98.0	
1972	3rd Quarter	102.0	an increase of 4 points

And these figures are likely to rise for the last quarter of 1972.

This means that those with fixed incomes, whether in the public or private sector, and in particular the people in the rural areas will be the people who will suffer the most. And they are groaning under the weight of the indirect taxation with its attendant rise of cost of living as I have shown. Hence, I am glad that the Statistics Department will be publishing a comprehensive New Consumer Price Index, and I trust that it will be given adequate funds to carry out this job.

The Alliance Government has been in power in this country since 1955 and for the last 18 years we have heard *ad nauseam* of the need to process our primary products. But what is the record of the Alliance Government in this respect?

Let us take rubber. This country produced 1,324,500 tons of rubber last year, and we are told by none other than the Minister of Primary Industries that only a pitiful 20,000 tons of rubber were used in this country. This is a very serious state of affairs. The Minister must find more and greater use of rubber in this country.

Tin—In 1971 the production of tin was 75,400 tons and this year it is expected to go up to 76,000 tons. But apart from pewter were and tin plates, I do not see other attempts to make use of tin in this country. And the amount of tin consumed in this country is negligible.

Palm Oil—In 1971 the palm oil production was 715,200 tons and in 1972 it is likely to reach 890,000 tons. We now account for more than 50% of the world export of palm oil but until recently all of this had been exported in its crude form. Now, we have only 8 factories refining it and 4 factories extracting oil from palm kernels. We must step up the building of more factories and find greater use for the refined palm oil in this country.

Timber—But it is in the timber industry that we see the crowning folly of the Alliance bankrupt policy. Let me quote the Minister of Finance himself. I quote, "Although there has been a marked shift from the export of purely sawn and peeler logs to a higher proportion of processed timber products, much more remains to be done. There is no reason why we should not ultimately export our timber largely in the form of sophisticated products like furniture, especially knocked-down furniture." Mr Speaker, Sir, the Minister has been playing this old record for years and I cail on him and his Cabinet colleagues to stop talking, but do something. Furniture-making lends itself to being easily established as a cottage industry all over the country. Let the Government set up training schools for furniture-making in some centres and the graduates from these schools can be scattered all over the country and particularly in the rural areas so that they can make knocked-down furniture from timber that is readily available in the rural areas.

Jengka Triangle—Thus I see that there is only one large MARA Timber Complex in the Jengka Triangle and I gather that this is not making money. In fact, I gather that it is losing money at a rate of more than \$100,000 a month. On one of my visits there I saw lorries after lorries of timber logs being sent out of the Jengka Triangle. What FELDA should do is to establish a large furniture factory in the Jengka Triangle where there is an abundant supply of timber and a pool of surplus labour to draw from.

I commend this proposal to the Member for Segamat Utara—although he is not here—and also to the Minister of Primary Industries. The latter has a very important job and if only a small proportion of our primary products is processed here, I venture to predict that our economy for the next two decades will be safe.

Rice—Another instance of the faulty planning can be seen in the money that is being spent on the Muda and Kemubu Schemes. These two schemes cost about \$400 million but have they increased the income of the padi farmers to an appreciable extent? I doubt.

The first reason is that our production costs are much higher than that of other countries so that we can only export any surplus rice at a loss or let it rot in our godowns, as the Minister of Finance has mentioned.

The next is the lack of

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Panjang lagi, Ahli Yang Berhormat?

Dr Tan Chee Khoon: Lagi 15 minit.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Saya fikir Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapannya pada hari esok. Dewan ini ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.